

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI KHAMIS: 25 MAC 2010

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA 67)**

NOT A: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SO ALAN NO. 1 HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARLAN (HANSARD)]

SOALAN (11)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25 MAC 2010 (KHAMIS)
**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @
MARCUS
MOJIGOH
(PUTATAN)**

SOALAN

**Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH (PUTATAN) minta
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan**

- (a) jenis pendekatan Kementerian untuk mengurangkan penggunaan beg dan bahan bungkus plastik; dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk menggubal Akta bagi mengharamkan penggunaan beg dan bahan bungkus plastik.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil dua pendekatan dalam usahanya untuk mengurangkan penggunaan beg dan bahan bungkus plastik. Pendekatan pertama adalah menjalankan kempen kesedaran awam bagi mengingatkan orang awam tentang kemudaratannya yang timbul akibat penggunaan plastik yang tidak dibendung. Kempen yang dijalankan juga melibatkan Persatuan Pengeluar Plastik, pasar raya-pasar raya dan juga pertubuhan bukan Kerajaan. Dalam pada itu, usaha-usaha juga diambil

supaya beg plastik diguna dan dikitar semula bagi mengurangkan jumlah plastik yang akan berakhir di tapak pelupusan sisa pepejal.

Bagi pendekatan kedua pula, KPKT akan menggunakan peruntukan yang wujud dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 bagi membendung penggunaan plastik. Di bawah Akta ini peraturan-peraturan boleh dibuat bagi menghendaki para pengeluar menggunakan bahan yang mesra alam dan juga menghadkan kegunaan dan penghasilan plastik melalui kaedah-kaedah tertentu bagi maksud mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula. Oleh yang demikian, tidak perlu lagi untuk mewujudkan sebarang Akta lain untuk menangani masalah plastik ini.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Mac 2010

SOALAN NO: 12

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

Tuan Haji Ahmad bin Kasim (Kuala Kedah)

TARIKH

: 25Mac 2010 (Khamis)

SOALAN

: Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan mengenai apakah hak ahli persatuan nelayan di bawah Akta Persatuan Nelayan 1971, Akta 44 apabila mereka telah tua dan tidak mampu lagi menjadi seorang nelayan. Apakah Kementerian bercadang Akta ini akan dipinda.

JAWAPAN

Berdasarkan Akta Persatuan Nelayan 1971 (Akta 44), seseorang nelayan itu layak menjadi Ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) jika:-

1. Bermastautin di dalam kawasan kegiatan PNK tersebut;
2. Mencapai umur 18 tahun; dan
3. Termasuk dibawah mana - mana kategori berikut:

AHLI BIAS A

- (a) Mana - mana orang yang bekerja menangkap, mengutip atau memelihara hidupan - hidupan di dalam air selama tempoh sekurang - kurangnya seratus dua puluh hari dalam setahun;

(b) Mana orang yang bekerja memproses,

mengendali atau bermiga ikan; dan

- (c) Mana - mana orang yang mendapat enam puluh peratus atau lebih daripada jumlah pendapatannya daripada perusahaan perikanan.

AH LI BERSEKUTU

Mana - mana orang yang menjalankan penyelidikan berkenaan dengan atau mengambil bahagian dalam mengembang dan memajukan perusahaan menangkap ikan adalah layak untuk menjadi ahli bersekutu.

Hak Ahli Biasa sesuatu PNK ialah :

1. Hak untuk hadir dan bercakap di Mesyuarat Agong PNK;
2. Hak untuk mengundi, memilih dan dipilih memegang jawatan Ahli Lembaga Pengarah dan Perwakilan; dan
3. Hak untuk mendapat apa - apa keistimewaan sebagai ahli yang ditetapkan oleh Perlembagaan PNK tersebut.

Sekiranya ahli tersebut tidak lagi terlibat di dalam mana - mana kategori tersebut, maka keahliannya akan digugurkan daripada PNK tersebut. Buat masa ini, Akta Persatuan Nelayan 1971 (Akta 44) tidak memperuntukkan apa - apa keistimewaan kepada mereka yang telah bersara atau tidak lagi terlibat dengan mana - mana kategori yang menjadi asas keahlian Persatuan Nelayan Kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan akan mengkaji kesesuaian untuk mewujudkan peluang kepada bekas ahli tersebut untuk terus memberi sumbangan kepada PNK sebagai ahli walaupun telah terkeluar dari kategori keahlian tersebut.

SOALAN NO : 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

DARI PAD A Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN

OSMAN [LIPIS]

TARIKH 25 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh Kerajaan untuk memastikan negara ini menjadi negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara halangan-halangan yang dihadapi oleh Kerajaan untuk memastikan negara kita menjadi negara maju menjelang tahun 2020 adalah:

- i. Paras pelaburan swasta yang rendah iaitu di sekitar 10% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berbanding dengan sasaran sebanyak 15% di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10);
- ii. Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi yang

- rendah. Umpamanya pada 2007, perbelanjaan ke atas R&D sebanyak 0.6% daripada KDNK berbanding Jepun (3.2%), Korea Selatan (3.0%), Taiwan (2.5%), Singapura (2.4%) dan Republik Rakyat China (1.3%);
- iii. Hampir 80% daripada tenaga kerja di Malaysia (2007) dalam kategori tidak mahir dan berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf berbanding 16% yang berkelulusan peringkat tertiar. Dari segi komposisi pekerjaan hanya 25% daripada jumlah pekerjaan di Malaysia adalah dalam kategori pekerja berkemahiran tinggi dan masih rendah berbanding dengan Singapura (49%), Korea Selatan (36%), dan Taiwan (33%); dan
 - iv. Sehubungan itu, berdasarkan pendidikan sumber tenaga yang kurang berkemahiran menyebabkan produktiviti negara adalah lebih rendah berbanding dengan negara-negara berpendapatan tinggi. Kajian Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menunjukkan produktiviti pekerja Malaysia (2008) adalah sebanyak ASD13,033 berbanding Amerika Syarikat (ASD78,807), Jepun (ASD81.334), Singapura (ASD50,744) dan Korea Selatan (ASD31,212).

Kerajaan sedar akan keperluan untuk menangani halangan-halangan tersebut dan akan diberi penekanan dalam pembentukan model ekonomi baru yang akan diumumkan pada akhir bulan Mac 2010 dan di bawah RMKe-10.

Soalan NO. 14

**MESUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA
BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**
DARIPADA **YB TUAN MOHD FIRDAUS**
 BIN JAAFAR
 (JERAI)

TARIKH **25 MAC 2010**

SOALAN **14**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
menyatakan peratusan perbelanjaan Kementerian pada tahun 2009
mengikut negeri-negeri dan senaraikan projek-projek yang telah
dilaksanakan bagi tempoh tersebut di Negeri Kedah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- a) Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW), telah membelanjakan sebanyak 99.57 peratus daripada RM3.58 bilion ringgit yang diperuntukkan pada tahun 2009 untuk kesemua negeri di Malaysia. Ini adalah merupakan pencapaian yang terbaik bagi KKLW.

b) Peratus perbelanjaan pada tahun 2009 mengikut negeri adalah seperti berikut:

95.20%	Johor	
97.29%	Kedah	
n	Kelantan	94.02%
iv.	Melaka	94.93%
v.	Negeri Sembilan	93.16%
vi.	Pahang	94.71%

vii.	Pulau Pinang	97.17%
viii.	Perak	: 92.81%
ix.	Perlis	91.88%
x.	Selangor	: 97.61%
xi.	Terengganu	: 97.01%
xii.	Sabah	: 99.50%
xiii.	Sarawak	: 98.71%
xiv.	Wilayah Persekutuan	: 95.58%

c) Senarai projek/program yang telah dilaksanakan di Negeri

Kedah pada tahun 2009 adalah seperti berikut:

- i. Pembinaan Tabika di bawah **Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)**.
- ii. Pembinaan Medan InfoDesa (MID) di bawah **Program Pengupayaan Komuniti dan Infodesa**.
- iii. Pelan Tindakan Desa (PTD) di bawah **Institut Kemajuan Desa (INFRA)**.
- iv. Pembinaan Jalan Luar Bandar (JALB).
- v. Premis Bengkel / Kilang / Gerai Perniagaan di bawah **Program Pengupayaan Ekonomi**.
- vi. Pembinaan Rumah (PBR) di bawah **Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat**.
- vii. Program-program pembangunan wilayah di bawah **Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)**.
- viii. Program Naik Taraf Jalan Kampung oleh **Lembaga Pemulihan & Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA) Berhad**.
- ix. Program Tanam Semula Getah oleh **Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)**.
- x. Projek-projek pembinaan Maktab Rendah Sains

MARA (MRSM) oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Kesemua projek/program di atas adalah melibatkan sebanyak RM202 juta ringgit yang telah diperuntukkan kepada negeri Kedah dan sebanyak RM197.1 juta ringgit telahpun dibelanjakan.

♦

Soalan No : 15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU (BUKIT KATIL)
TARIKH	25.03.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] minta Menteri Pelajaran menyatakan sambutan pelajar Bumiputera yang' memasuki sekolah vernakular atau SRJK semakin meningkat. Adakah ini menunjukkan rintangan pelajar Bumiputera untuk mempelajari Bahasa Cina atau Tamil juga meningkat. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan subjek Bahasa Cina atau Tamil di Sekolah-sekolah Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tiada halangan bagi ibu bapa mendaftarkan anak-anak mereka di mana-mana sekolah sama ada di aliran perdana atau sebaliknya. Sehingga 31 Januari 2010 enrolmen murid Bumiputera di SJKC ialah 57,195.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2007 mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil telah ditawarkan di Sekolah Kebangsaan dan dilaksanakan di sekolah kebangsaan terpilih. Melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mensasarkan pada tahun 2010, sebanyak 450 buah sekolah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina, manakala 250 sekolah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Tamil. Sehingga Disember 2009, terdapat 350 sekolah

kebangsaan yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina manakala 170 sekolah kebangsaan menawarkan mata pelajaran Bahasa Tamil.

Rjm 40

SOALAN NO : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISA**
DARI PAD A **N** **TUAN CHOW KON YEOW [**
TARIKH **TANJONG]**
 25 Mac 2010

SOALAN :

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikut tindakan NCIA (Northern Corridor Implementation Agency) untuk mewujudkan sistem "Water Taxi", apakah pencapaiannya setakat ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tanjong, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah mengenalpasti potensi projek pengangkutan air, dengan izin, "water taxi" sebagai tambahan kepada mod pengangkutan sedia ada dan juga untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang di samping dijadikan sebagai produk baru dalam pembangunan pelancongan. Walau bagaimanapun, sebelum projek ini dapat diteruskan atau tidak, satu kajian kemungkinan (*feasibility study*) perlulah dilaksanakan bagi mengetahui daya majunya di samping mengambil kira isu-isu perundangan, polisi, dan kewangan semasa Kerajaan dengan sewajarnya. Dalam hal ini, pihak NCIA sedang dalam proses perlantikan juruperunding untuk melaksanakan kajian tersebut.

Soalan NO: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT PERTANYAAN Bagi Jawab Lisan**

DARIPADA : Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]

TARIKH 25 Mac 2010 (Khamis)

SOALAN 17

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk membantu syarikat-syarikat pemilik kapal dagangan Malaysia yang sekarang bermasalah dari segi kewangan disebabkan kemerosotan ekonomi dunia.

JAWAPAN MENTERI PENGANGKUTAN:

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tidak ada sebarang langkah-langkah spesifik yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi membantu syarikat-syarikat perkapalan Malaysia yang bermasalah dari segi kewangan disebabkan kemelesetan ekonomi dunia.

Namun demikian, Kerajaan telah memberikan insentif-insentif tertentu untuk menggalakkan pembangunan sektor perkapalan negara seperti berikut:

- i. pengecualian cukai ke atas pendapatan daripada perniagaan pengangkutan penumpang dan kargo melalui laut dengan menggunakan kapal-kapal pendaftaran Malaysia; dan
- ii. pendapatan sewa yang diperolehi oleh pemastautin daripada aktiviti dengan izin *time charter* (carter masa) dan *voyage charter* (carter

perjalanan) dengan menggunakan kapal Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Dengan itu, adalah diharapkan dengan insentif-insentif di atas dapat meringankan bebanan kewangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat perkapalan Malaysia berikutan kemelesetan ekonomi.

Soalan NO: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA
 MAHKOTA)**

PERTANYAAN MULUT

TARIKH 25.03.2010

SOALAN NO

18

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Malaysia sekarang dari dalam dan luar negara serta bentuk apakah sumber-sumber hutang tersebut secara terperinci.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang Kerajaan Persekutuan 2009 kekal terurus. Jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2009 ialah RM362.5 bilion atau 53.7% daripada Keluaran Negara Kasar (KDNK). Sebahagian besarnya iaitu RM348.6 bilion atau 96.2% adalah hutang dalam negeri manakala baki RM13.9 bilion atau 3.8% merupakan hutang luar negara.

2. Mengenai sumber hutang, hutang dalam negeri diperolehi sebahagian besarnya dari pasaran bon melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK). Pemegang instrumen sekuriti hutang berkenaan terdiri daripada institusi kewangan, syarikat insurans dan institusi keselamatan sosial.
3. Sumber hutang luar negeri pula ialah dari pasaran modal antarabangsa dan pengeluaran pinjaman projek dari institusi multilateral dan bilateral untuk membiayai program dan projek pembangunan untuk rakyat termasuk pendidikan dan latihan, bekalan elektrik, air, pembentungan dan pembasmian kemiskinan. Pinjaman luar negeri pada masa ini adalah terhad kepada pengeluaran pinjaman projek sedia ada. Tahun 2009 adalah tahun keenam berturut-turut Kerajaan tidak meminjam daripada pasaran modal antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan terus mengamalkan strategi pengurusan hutang yang berhemat di mana pinjaman adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan sahaja. Jumlah pinjaman luar negeri yang kecil adalah selaras dengan dasar semasa Kerajaan yang mengutamakan sumber pinjaman dalam negeri kerana kos pinjaman yang lebih murah dan untuk mengurangkan risiko pertukaran mata wang asing, kejutan kadar faedah global serta perubahan sentimen pelaburan sekiranya pinjaman

Soalan No : 19

diperolehi dari luar negeri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO

(HULURAJANG)

TARIKH

25.03.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bila SMK Bakun di Belaga akan disiapkan dan sama ada sekolah ini akan menyediakan kelas Tingkatan Enam apabila siap. Dalam pada itu, .adakah Kerajaan bercadang untuk membina Sekolah Menengah Rendah untuk kaum Penan di kawasan Empangan Murum untuk kegunaan kaum Penan di daerah Belaga.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pembinaan SMK Bakun di Belaga telah dimulakan pada bulan Disember 2008 dan di jangka siap pada bulan Mac 2011 dengan kos pembinaan RM77.9 juta. KPM tiada cadangan untuk membina sekolah-sekolah berdasarkan kaum. Murid tersebut ditempatkan di sekolah-sekolah berhampiran dan tinggal di asrama yang disediakan di sekolah berkaitan.

SOALAN NO: 20

PERTANYAAN-PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA PARLIMEN

KEDUA BELAS

PERTANYAAN

DARIPADA :

PR-1231-L35745 Tuan Er Teck Hwa (Bakri)

TARIKH

25 MAC 2010 (KHAMIS)

SOALAN: YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri) minta

MENTERI PERTANIAN

DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan projek pemuliharaan benih ikan yang dilancarkan di sepanjang pesisir pantai Kesang hingga Sungai Balang. Adakah nelayan tempatan akan diberi keutamaan sebagai kumpulan sasar untuk menceburi dalam projek tersebut.

Jawapan

Buat masa ini belum ada sebarang program pemuliharaan benih ikan yang spesifik untuk sepanjang pesisir pantai Kesang sehingga Sungai Balang. Walau bagaimanapun, LKIM telah mewujudkan satu program untuk memperkayakan sumber perikanan iaitu pembinaan unjam menerusi program Ladang Ikan Di Laut (LIDL) di kawasan Sungai Balang dan Sungai Kesang. Program ini memberi keutamaan kepada nelayan tempatan bagi memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan.

Objektif pembinaan Ladang Ikan Di Laut ini adalah bertujuan untuk

- a) Menambah, memperkayakan dan memperbanyakkan sumber biomas terutamanya bagi mengekalkan rantaian pemakanan sesuatu kawasan secara smulajadi
- b) Mempertingkatkan sumber - sumber ikan komersial di perairan pantai agar nelayan - nelayan tradisi dapat menangkap ikan secara berterusan dan sepanjang musim; dan
- c) Mewujudkan pertambahan "*fishing ground*" kawasan pembiakan ikan yang telah dimusnahkan oleh aktiviti penangkapan ikan melalui pukat tunda. Malahan unjam berfungsi mengawal pencerobohan pukat tunda di kawasan pembiakan ikan di dalam Zon A di pesisiran pantai.

Pembinaan unjam ini dari sudut pembangunan telah memberi faedah dan manfaat kepada nelayan-nelayan pantai khususnya dan juga nelayan yang beroperasi di Zon B. Dengan pembinaan unjam, kawasan perairan pantai akan menjadi satu kawasan habitat yang boleh menarik kehidupan laut ke kawasan itu.

Selain itu, Jabatan Perikanan Malaysia juga ada melaksanakan program Komuniti Pengurusan Sumber Perikanan (KPSP) di beberapa kawasan bagi membantu meningkatkan pendapatan para nelayan tempatan di sepanjang pesisir pantai Kesang sehingga Sungai Balang. seperti:

- i. KPSP Kesang (Projek Jualan Ikan Segar),
- ii. KPSP Sg. Balang (Projek Pengeluaran Air Batu) dan
- iii. KPSP Parit Jawa (Projek Ternakan Kupang).

SOALAN NO. 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN]
TARIKH	25 MAC 2010
SOALAN	

DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji bagi mewujudkan satu laluan (*common ducting*) untuk semua utiliti seperti air, elektrik, talian komunikasi bagi menjimatkan kos dan pengurusan jalan raya yang lebih teratur.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum dan sedar tentang keperluan untuk mengadakan satu saluran khusus bagi kesemua kabel-kabel utiliti yang berada di dalam *Right of Way* jalan dan lebuh raya di negara ini. Sehubungan itu, kementerian ini bersedia untuk mengkaji cadangan ini bagi dilaksanakan pada masa hadapan, khususnya melibatkan pembinaan jalan-jalan raya dan lebuh raya yang baru.

M);2>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA : **TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD JAWAB LISAN YUSOFF**

**TARIKH
SOALAN** **25 MAC 2010 (KHAMIS)**
N0.22

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah rasional pengenalan e-voting untuk pilihan raya kampus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan universiti pertama yang membangunkan sistem e-undi dan telah menggunakan semasa pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada sesi 2004/2005. Bagi sesi 2010/2011, sebanyak 15 IPTA telah menggunakan sistem e-undi bagi pemilihan MPP di IPTA masing-masing dan dijangka kesemua 20 IPTA akan menggunakan sistem e-undi bagi sesi 2011/2012.

Sistem e-undi dilaksanakan bagi membantu melancarkan proses pemilihan MPP yang sebelum ini dijalankan secara manual yang terikat dengankekangan sumber manusia. Berdasarkan pengalaman IPTA yang telah melaksanakan sistem e-undi, penggunaan sistem ini mampu mempercepatkan proses pengundian yang melibatkan ribuan pelajar yang mengundi dalam tempoh sehari. Sistem ini juga boleh mempercepatkan proses pengiraan undi dengan penggunaan sumber yang minimum dan cekap.

Penggunaan sistem eundi telah dapat:

- i. menjimatkan masa;
- ii. mengurangkan beban kerja;
- iii. mengurangkan undi rosak;
- iv. pengeluaran statistik berkaitan pengundian dapat dibuat dengan cepat;
- v. memberi ketulusan dalam proses pengiraan undi;
- vi. mengurangkan kos operasi jangka panjang;
- vii. maklumat daripada eundi adalah lebih tepat dan sahih;
- viii. mengelakkan pengundi "hantu"; dan
- ix. menggalakkan pelajar mengundi kerana proses pengundian yang lebih cepat dan mesra pengguna.

SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.BHG. DATO' IBRAHIM BIN ALI
 [PASIR MAS]

TARIKH 25 MAC 2010

SOALAN:

Y.BHG. DATO' IBRAHIM BIN ALI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan semula unit penyertaan Bumiputera di Unit Perancang Ekonomi, di semua kementerian, agensi-agensi Kerajaan dan di bank Negara serta bank-bank komersial seperti dahulu bagi memastikan agenda pencapaian 30% Bumiputera akan dapat dijayakan seperti mana matlamat dasar ekonomi baru.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di - Pertua,

Pengwujudan semula unit penyertaan Bumiputera di Unit Perancang Ekonomi atau di semua kementerian, agensi-agensi Kerajaan dan di Bank Negara serta bank-bank komersial untuk memastikan kejayaan agenda pencapaian 30% Bumiputera memerlukan pertimbangan yang rapi sebelum sebarang keputusan mengenainya dibuat. Cadangan tersebut perlu mengambil kira keperluan semasa dan kajian semula peranan agensi Kerajaan sedia ada dalam meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi.

Namun demikian, ingin dipertegaskan disini bahawa Kerajaan masih komited untuk melaksanakan program-program pembangunan usahawan Bumiputera. Untuk tujuan tersebut langkah-langkah proaktif dan berterusan dilaksanakan untuk memaju, memperkasa dan meningkatkan usahawan Bumiputera supaya dapat berdaya maju dan lebih bersedia untuk bersaing dalam pasaran domestik dan antarabangsa.

Setakat ini, Kerajaan berpendapat adalah memadai supaya tugas serta tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan agenda pencapaian 30% Bumiputera tersebut di kendalikan oleh Seksyen Pengagihan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA

**DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]**

TARIKH

25 MAC 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan pecahan peratus mengikut bilangan siaran dan masa siaran rancangan televisyen di bawah Radio Televisyen Malaysia (RTM) mengikut jenis iaitu seperti hiburan, dokumentari, agama Islam, berita dan lain-lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai saluran infomasi, TV1 menyiarkan rancangan berbentuk infomatif yang menyalurkan maklumat-maklumat terkini, sama ada dalam bentuk berita, dokumentari, majalah, drama dan sebagainya.

Sebanyak 23% daripada keseluruhan rancangan di TV1 adalah rancangan berita yang meliputi Berita Nasional, Berita Utama dan Berita Semasa. Rancangan dokumentari dan majalah yang disiarkan oleh TV1 adalah sebanyak 12.8%, bicarawara 20%, drama dan telemovie sebanyak 15.7%, rancangan agama terbitan JAKIM 9.3%

dan rancangan sukan sebanyak 4%. Kesemua rancangan ini memberikan pelbagai maklumat terkini kepada masyarakat.

Bagi Saluran TV2 dengan konsep Dunia Ria pula, siaran rancangan-rancangan tempatan dan luar negara yang menepati citarasa penonton berbilang bangsa, pengiklan dan penaja diberi tumpuan. Pecahan peratus bagi drama dan telemovie adalah sebanyak 43.2%, filem cereka 12.8%, majalah 14.4% dan hiburan 4.2%. Walau bagaimanapun, TV2 turut menyiarkan rancangan berbentuk infomasi contohnya berita Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil dan Bahasa Mandarin sebanyak 10%, bicarawara sebanyak 3.6% dan 7.7% rancangan kanak-kanak.

RTM sentiasa memastikan rancangan-rancangan yang disiarkan di TV2 bermutu dan berkualiti serta sesuai ditonton oleh semua lapisan masyarakat.

7^
SOALAN NO.42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]

J

TARIKH

25 MAC 2010

SOALAN

Tuan Salleh Bin Kalbi [Silam] minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementerian bercadang menaik taraf jaringan sistem jalan raya di kawasan Parlimen Silam dan Lahad Datu yang pada masa sekarang terhad dan sempit demi keselesaan pengguna serta untuk meningkatkan kegiatan ekonomi penduduk di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya prihatin dengan pembangunan jalan raya di kawasan luar bandar terutamanya di Sarawak dan Sabah. Untuk tujuan itu, Kementerian Kerja Raya sedang menjalankan Kajian *Highway Network Development Plan* (HNDP) Fasa 2 bagi tujuan memperluaskan jaringan jalan raya di sana di samping memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya dan seterusnya bagi

meningkatkan lagi kegiatan ekonomi.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mencapai maksud tersebut, Kerajaan telah mencadangkan beberapa penambahbaikan yang dikategorikan sebagai dalam pelaksanaan dan perancangan.

Antara projek-projek yang dalam pelaksanaan ialah Projek Membina Jalan Jeroco Fasa 2 yang menghubungkan Jeroco - Lahad Datu. Projek ini terbahagi kepada beberapa fasa iaitu fasa 2A sepanjang 10km dan fasa 2B sepanjang 5km. Skop projek adalah membina jalan piawai JKR R3. Kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM59.6juta. Bagi fasa 2A, projek ini telah siap pada 20 Februari 2010, sementara bagi fasa 2B dijangka siap pada 1 November 2010. Selain itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan Projek Menaiktaraf Jalan Bandar Lahad Datu - Silam. Skop projek adalah menaiktaraf jalan satu lorong (*single carriageway*) dua hala kepada jalan berkembar (*dual carriageway*) dua hala. Projek ini telah ditawarkan pada 22 Februari 2010 dengan kos keseluruhan sebanyak RM74.3 juta dan dijadualkan siap pada 21 April 2011.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi projek-projek dalam perancangan, Kerajaan sedang merancang untuk melaksanakan Projek Membina Jalan Segama *Northern Bypass* Lahad Datu, Sabah atau *Northern POIC (Palm Oil Industrial Cluster) Link Road*. Rekabentuk bagi jalan ini telahpun disiapkan dalam RMK-9. Projek ini merupakan pembinaan jalan baru sepanjang 16.9km, 4 lorong 2 hala (*dual carriageway*) serta membina 3 buah jambatan. Dengan siapnya jalan ini kelak, trafik dari Tawau menuju ke Sandakan atau sebaliknya akan mempunyai laluan terus tanpa melalui pekan Lahad Datu. Secara tidak langsung, ianya dapat menyuraikan trafik yang masuk ke dalam pekan Lahad Datu dan meningkatkan keselesaan pada pengguna jalanraya. Di samping itu, Kerajaan juga sedang merancang untuk melaksanakan Projek Membina Jalan Jeroco Fasa 3 di Lahad Datu, Sabah. Kedua-dua projek ini telah diberi keutamaan tinggi dalam RMK-10. Walau bagaimanapun, permohonan ini masih tertakluk pada kelulusan agensi pusat.

Soalan NO: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
(KUALA SELANGOR)

PERTANYAAN MULUT

TARIKH 25.03.2010

SOALAN NO 26

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapa Khazanah Nasional Berhad telah mengurangkan pegangan ekuitinya dengan menjual saham-saham dengan secara agresif dalam beberapa syarikat punya kaitan Kerajaan atau GLCs seperti TNB, Malaysia Airports Berhad, PLUS Expressway Berhad, di samping jelasnya menjana dana, seperti juga dalam program 'monetisation' melalui penerbitan sukuk dengan menggunakan PLUS Highway Bhd dan Parkson Retail Group Ltd.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan Khazanah Nasional BHD (Khazanah) untuk mengurangkan pegangan dalam beberapa Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang dikuasainya adalah selaras dengan saranan Kerajaan yang ingin menyaksikan peningkatan kadar

apungan (liquidity) serta kebolehlaburan (investability) saham-saham GLC. Keadaan ini juga dijangka akan menggalakkan lagi kemasukan pelaburan daripada luar negara ke Malaysia di samping mengurangkan penglibatan Kerajaan dalam beberapa buah syarikat GLC.

Di samping itu juga, Khazanah secara berterusan melupuskan pegangan dalam pelaburan-pelaburan yang dianggap kurang strategik. Sungguhpun demikian, Khazanah tetap komited untuk mengekalkan pegangan kawalannya dalam beberapa buah GLC utama yang dikuasainya, khususnya yang berkepentingan strategik kepada negara. Khazanah telah dan akan terus memastikan agar penjualan saham serta pelupusan pegangannya dalam GLC dilakukan secara berhemah sistematik, tersusun dan konstruktif.

Ns-X),

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
TARIKH	25 MAC 2010 (KHAMIS)
SOALAN	N0.27

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengurniakan kuasa autonomi kepada semua institusi-institusi pengajian tinggi awam terutama bagi aspek akademik, pengurusan kewangan dan sumber manusia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, autonomi merupakan salah satu program di bawah 21 agenda kritikal Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Bagi memperkasakan tadbir urus universiti, pihak Kerajaan telah memberi lebih autonomi/penurunan kuasa kepada universiti. Proses ini melibatkan penurunan kuasa daripada agensi pusat dan Kementerian kepada universiti dan penurunan kuasa di dalam universiti sendiri. Ini bagi memastikan sistem penyampaian yang segera dan berkesan dapat diwujudkan. Satu Jawatankuasa Pemandu Autonomi telah ditubuhkan untuk merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan autonomi di bawah PSPTN dengan menjadikan universiti yang sedang melaksanakan program APEX iaitu Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai projek perintis.

Di antara perkara yang telah dilaksanakan dalam proses pemberian autonomi kepada IPTA ialah:

- i. Melaksanakan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) bagi memantapkan autonomi IPTA dengan penurunan beberapa kuasa Menteri kepada pentadbiran IPTA. Pindaan ini juga telah memantapkan peranan Senat Universiti sebagai badan akademik utama di IPTA di mana ia memperincikan dan membuat pembahagian kuasa yang jelas antara kuasa dan fungsi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Senat dan Naib Canselor.
- ii. Kementerian Kewangan telah memberi kelonggaran dalam pengurusan kewangan iaitu dalam pelaksanaan *one-line budget*. Dengan pelaksanaan *one-line budget*, pihak pengurusan IPTA mempunyai lebih kebebasan dalam membelanjakan peruntukan mengikut keperluan.
- iii. IPTA selaku Badan Berkanun Persekutuan (BBP) diberi kuasa untuk mengurus sumber manusianya sendiri. AUKU (Pindaan) 2009 telah memantapkan lagi fungsi ini yang mana ia telah memperuntukkan kuasa baru kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam urusan pengurusan sumber manusia.
- iv. Mulai sesi kemasukan 2009/2010, USM telah diberi autonomi bagi menguruskan kemasukan pelajar sendiri ke universiti tersebut.
- v. Memberi autonomi dalam penjanaan pendapatan sendiri yang mana ia akan menyumbang kepada kurangnya kebergantungan IPTA kepada geran Kerajaan. IPTA diberi kebenaran menubuhkan syarikat induk dan anak syarikat sebagai salah satu cara untuk menjana pendapatan.
- vi. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga telah memberi kuasa kepada IPTA untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - a) melantik pegawai secara kontrak bagi warga negara dan bukan warga negara termasuk akademik dan bukan akademik secara *contract of service* berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2008(Penurunan Kuasa Menimbang Pelantikan Secara Kontrak oleh IPTA); dan
 - b) melantik pensyarah kontrak secara *contract for service* dengan bayaran

perkhidmatan tidak melebihi RM60,000.00 sebulan (tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal).

Soalan No: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
BAGI JAWAB LISAN
PERTANYAAN DARIPADA **TUAN WEE CHOO**
TARIKH **KEONG [WANGS A MAJU] 25 MAC**
 2010

SOALAN **28**

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta MENTERI
PENGANGKUTAN**

menyatakan:

- (a) setakat 28 Februari 2010 yang lalu berapakah cukai ‘airport’ yang dihutang AirAsia; dan
- (b) berdasarkan program pengembangan yang diusahakan oleh AirAsia dan aktiviti penjualan tiket ‘lebih dahulu’ melalui online syarikat ini, apakah mekanisme yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan syarikat ini akan memenuhi ‘financial obligation’ kepada penumpang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) mengenai pertanyaan pertama, setakat 28 Februari 2010, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) mengesahkan bahawa pembayaran cukai lapangan terbang oleh AirAsia adalah terkini (*up to date*), iaitu tiada hutang tertunggak.
- (b) mengenai pertanyaan kedua, pada masa ini syarikat-syarikat penerbangan tidak mempunyai mekanisma khusus yang memberikan jaminan 100% bahawa penumpang akan memperoleh semula wang sekiranya syarikat tersebut muflis. Dalam hubungan ini, sekiranya AirAsia atau mana-mana syarikat penerbangan tidak dapat memenuhi obligasinya pada masa hadapan, semua asetnya akan dibekukan dan akan ditadbir oleh pemegang amanah yang dilantik. Penumpang masih

boleh mengemukakan tuntutan pengembalian wang harga tiket terlibat daripada pemegang amanah.

Sehingga kini, tiada mana-mana negara termasuk Kesatuan Eropah yang mempunyai mekanisma khusus yang memberi jaminan kepada penumpang bagi pembelian tiket secara *advance booking*.

NO SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' SHAMSUL ANUAR BIN
	NASARAH
TARIKH	25 MAC 2010
SOALAN	

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan FELDA dalam menyediakan perumahan untuk generasi kedua dan ketiga FELDA dan

- (a) Adakah FELDA akan menyediakan kemudahan tersebut di FELDA Lawin Utara, FELDA Lawin Selatan dan FELDA Pepulut di Parlimen Lenggong; dan
- (b) Apakah usaha FELDA bagi membantu meningkatkan pendapatan peneroka sehingga tanaman mereka boleh ditoreh semula di kawasan-kawasan FELDA yang tersebut di atas.

JAWAPAN **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Perumahan Warga FELDA (PWF) dilaksanakan sebagai usaha memberi peluang kepada generasi peneroka memiliki rumah sesuai dengan kemampuan kewangan serta berhampiran dengan rancangan. Perlaksanaan projek mengambil kira kemampuan kewangan FELDA, kesesuaian lokasi serta permintaan yang munasabah.

Pada masa ini belum ada cadangan untuk melaksanakan projek berkenaan di FELDA Lawin Utara, FELDA Lawin Selatan dan FELDA Papulut di Parlimen Lenggong. Namun begitu, FELDA akan mengkaji keperluan pembinaan PWF di kawasan berkenaan dari semasa ke semasa.

Bagi membantu meningkatkan pendapatan peneroka semasa pokok sedang tanam semula, pelbagai projek telah direncanakan bagi membantu peneroka. Antaranya melalui aktiviti bukan ladang / *non-farm*. Peneroka boleh melaksanakan pelbagai aktiviti seperti penternakan, pertanian, kraftangan, perkhidmatan, industri makanan dan sebagainya yang dapat memberi sumber pendapatan tambahan kepada mereka. Penglibatan peneroka juga akan memberi kesan berganda ekonomi di rancangan yang sekaligus mampu melahirkan lebih ramai usahawan.

Selain dari itu, projek Edible Garden FELDA (EGF) turut boleh dilaksanakan oleh peneroka dalam usaha mengurangkan beban untuk perbelanjaan dapur di samping membantu mengurangkan beban import makanan. Tanaman yang ditanam boleh memberi hasil untuk kegunaan

harian harian ataupun pasaran tempatan. Peneroka boleh menanam sayuran seperti cili kulai, terung, pegaga, kacang panjang, timun dan sebagainya.

Selain EGF, peneroka dapat menambah hasil pendapatan menerusi projek Gedung Makanan Negara (GMN) yang telah diumumkan oleh Kerajaan pada tahun lalu. GMN bertujuan membantu negara mengurangkan kadar kebergantungan terhadap makanan import di samping menambah pendapatan peneroka. Tumpuan GMN terhadap tanaman sayuran (cili kulai), tanaman kontan (pisang berangan), akuakultur (tilapia merah) dan ternakan (lembu).

Di samping itu juga Kerajaan turut menggalakkan peneroka untuk bekerja sendiri atau mengambil upah di ladang-ladang yang sedia ada untuk mendapatkan upah seperti menuai, membaja, menebas dan sebagainya.

NO. AUM :*2<3-3

NO. AUP : **30**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR
BARU]

TARIKH 25 MAC 2010

RUJUKAN 2395

SOALAN:

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) apakah status siasatan kes pembunuhan terhadap
Allahyarham Mohd. Ibrahim Pillai Abdullah, Siti Solehah
Amuthavelli Abdullah (isteri) dan Tina Nurrahimah Mohd.
Ibrahim pada bulan Februari 1998 di Subang Jaya; dan

(b) adakah apa-apa tangkapan dan prosiding jenayah
dibawa terhadap mereka yang terlibat dan benarkah mereka
dibunuh atas alasan mereka memeluk agama Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang mengemukakan pertanyaan.

Bagi menjawab soalan (a), pihak polis sedang menyiasat kes ini dan sehingga kini tiada sebarang tangkapan dilakukan. Ini adalah disebabkan tiada saksi yang tampil untuk memberi maklumat tentang saspek yang disyaki terlibat.

Bagi menjawab soalan (b), setakat ini masih belum dapat dipastikan sama ada mangsa-mangsa yang dibunuh itu kerana memeluk agama Islam seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat kerana siasatan terhadap kes ini masih lagi dijalankan.

NO.AUM : 2

NO. AUP : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TAN SRI DATO* SERI ONG KA TING [KULAI]

TARIKH 25 MAC 2010

RUJUKAN

2390

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15 (1) dan Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan masing-masing sebelum Disember 2005 yang masih belum diputuskan sehingga kini. Berapakah jumlah permohonan kedua-dua kategori tersebut diterima antara tahun 2006 hingga Disember 2009. Apakah sebabnya terdapat kes-kes yang tertunggak sehingga begitu lama.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat Kulai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod yang terdapat di Kementerian Dalam Negeri, tiada permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(1) dan Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan sebelum Disember 2005 yang belum diputuskan. Kementerian Dalam Negeri telah melaksanakan Taskforce permohonan kewarganegaraan Malaysia dalam tahun 2009 dan telah berjaya menyelesaikan permohonan-permohonan kewarganegaraan yang tertunggak dari tahun 1997 sehingga tahun 2006 yang berjumlah 32,927.

Tuan Yang DiPertua,

Jumlah permohonan bagi kedua-dua kategori tersebut yang diterima antara tahun 2006 hingga Disember 2009 di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- Permohonan di bawah Perkara 15(1) - 3,293 permohonan;
- Permohonan di bawah Perkara 19(1) - 10,761 permohonan.

Tuan Yang DiPertua,

Berkaitan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Kulai berkenaan

sebab-sebab terdapat kes-kes yang terunggak sehingga begitu lama, ingin saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Dalam Negeri hanya akan menimbangkan permohonan-permohonan yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu, pemohon-pemohon tersebut perlu melalui pelbagai peringkat proses tapisan yang dibuat secara terperinci. Antara punca-punca lain berlakunya tunggakan permohonan kewarganegaraan adalah disebabkan:

Pertamanya - Jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima sentiasa meningkat dan tidak mampu diselesaikan oleh bilangan pegawai dan kakitangan yang terhad.

- Kedua - Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima perlu melalui proses Tapisan Keselamatan bagi memastikan pemohon bersih dari sebarang rekod jenayah.
- Ketiga - Terdapat pemohon yang tidak memberi

kerjasama ketika dipanggil untuk menghadiri Ujian Bahasa dan temuduga yang mana merupakan salah satu syarat asas untuk membolehkan permohonan mereka diproses.

Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil beberapa langkah yang drastik di dalam usaha untuk memastikan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia diproses dan dikeluarkan keputusan dalam satu tempoh yang lebih sesuai dan praktikal kepada pemohon. Antara langkah-langkah drastik yang telah diambil ialah:

Pertamanya menubuhkan Jawatankuasa *Taskforce* pada tahun 2009 bagi menyelesaikan kesemua permohonan yang tertunggak dari tahun 1997 sehingga tahun 2006 berjumlah 32,927 yang melibatkan pertambahan pegawai dan kakitangan seramai 60 orang; dan

Kedua Pegawai dan kakitangan juga diarahkan untuk membuat kerja lebih masa sehingga waktu malam dan hujung minggu untuk memastikan semua permohonan dapat diproses mengikut masa yang ditetapkan.

Ketiga Bermula dari permohonan yang diterima dari tahun 2009, Kementerian Dalam Negeri

telah menetapkan Piagam Pelanggaran permohonan taraf kewarganegaraan tidak melebihi tiga tahun dari tarikh permohonan lengkap diterima di Jabatan Pendaftaran Negara.

SOALAN (32)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	25 MAC 2010 (KHAMIS)
DARIPADA	Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)

SOALAN

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah langkah-langkah pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah burung walit dan bilakah keputusan untuk memuktamadkan dasar-dasar Kementerian akan dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 April 2009 telah bersetuju supaya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani akan bertindak sebagai agensi peneraju pembangunan industri sarang burung waht negara. Oleh itu segala Akta dan garis panduan mengenai pentemakan dan pengawalan industri sarang burung waUt akan dikeluarkan oleh Kementerian berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ada

**mengeluarkan garis panduan permohonan lesen premis perusahaan sarang
burung walit untuk**

digunakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai rujukan/panduan dalam proses memberi kelulusan lesen premis bangunan terutama di kawasan bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, satu Garis Panduan Industri Walit Negara (1GP) sedang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinary (JPV), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang mana akan diguna pakai oleh PBT. KPKT telah memberi input berkaitan aspek perancangan dan pengawalan guna tanah dalam penyediaan garis panduan tersebut bagi memastikan aktiviti pentemakan burung walit dijalankan secara teratur. Di antara perkara yang digariskan di dalam garis panduan tersebut adalah berkaitan dengan kawalan operasi di mana pentemakan burung walit tidak dibenarkan dijalankan di dalam kawasan pusat tumpuan utama aktiviti bandar.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Mac 2010

NO. SOALAN : 3?>

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

**DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN
[PASIR SALAK]**

TARIKH

25 MAC 2010

SOALAN :

DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN[PASIR SALAK]

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kerajaan untuk melindungi dan mempertahankan kedudukan dan kesucian Islam sebagai agama rasmi Negara di samping menjaga hak-hak kebebasan bukan Islam mengamalkan agama masing-masing.

**JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka dan mengambil langkah-langkah yang serius untuk melindungi dan mempertahankan kedudukan serta kesucian agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dan sentiasa menjaga hak kebebasan bukan Islam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan.

Antara usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk melindungi dan mempertahankan kedudukan dan kesucian Islam di samping menjaga hak-hak kebebasan bukan Islam mengamalkan agama masing-masing adalah seperti berikut:

- (i) menyelesaikan masalah konflik undang-undang yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan melalui pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan, dan mewujudkan Perkara 121(1 A) yang memberi kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah tanpa campurtangan daripada Mahkamah Sivil;
- (ii) menyediakan rang undang-undang model Islam yang seragam dalam

usaha penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam seluruh negeri iaitu :

- (a) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;
 - (b) Undang-Undang Keluarga Islam;
 - (c) Undang-Undang Tatacara Mai;
 - (d) Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah;
 - (e) Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah; dan
 - (f) Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah
- (iii) mengatasi masalah ketidakseragaman keputusan dan pentadbiran Mahkamah Syariah melalui usaha-usaha yang berikut:
- (a) pengasingan Mahkamah Syariah daripada Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri;
 - (b) penyusunan struktur Mahkamah Syariah kepada tiga peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah;
 - (c) meningkatkan taraf Hakim Mahkamah Syariah setanding dengan Hakim mahkamah sivil;
 - (d) menyediakan peruntukan undang-undang yang lebih lengkap dan kemas bagi Mahkamah Syariah; dan
 - (e) mewujudkan skim Pegawai Syariah (LS).
 - (f) membuat pindaan kepada Kanun Tanah Negara dengan memasukkan peruntukan mengenai Mahkamah Syariah

dalam usaha mengharmonikan undang-undang Syariah dan Sivil; dan

- (g) memberi jaminan kepada orang bukan Islam bebas mengamalkan agama mereka masing-masing sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan, dimana Kerajaan tidak menyekat pengamalan dan aktiviti penganut-penganutnya.

Kesimpulannya, Kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam memelihara kesucian agama Islam dalam negara ini di samping tidak mengabaikan hak dan kebebasan beragama penganut agama lain.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM jQ8

NO. AUP : 3<f

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]

JAWAPAN

TARIKH 25 MAC 2010

RUJUKAN 2391

SOALAN:

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan secara terperinci statistik kes ragut di Malaysia dalam tempoh 1999-2009, termasuk pecahan mengikut negeri dan bilangan kematian berikutan kes ragut.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sebelum tahun 2001 kes ragut dikategorikan sebagai kes curi yang disiasat di bawah Seksyen 379 Kanun Kesiksaan. Oleh yang demikian, pihak polis tidak mempunyai rekod bagi kes ragut bagi tahun

1999 dan 2000 seperti mana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang Dipertua,

Statistik terperinci bagi kes ragut dari tahun 2001 hingga 2009 berdasarkan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

	SIIIIIB	8Bz' "	lBfe-;	ilflill	mil	2006	2007	2008	2009
PERLIS	43	33	17	15	21	11	17	17	8
KEDAH	593	886	943	619	572	333	763	589	563
PULAU PINANG	1967	1723	1736	1133	1,220	1,167	1,222	1,103	1,199
PERAK	1378	808	779	864	824	659	456	387	482
KUALA LUMPUR	2796	3182	4262	2819	1,737	3,867	2,867	2,181	3,312
SELANGOR	2920	3629	4149	2858	2,194	2,237	2,855	1,840	2,030
NEGERI SEMBILAN	276	233	338	209	185	288	397	272	268
MELAKA	555	340	331	221	359	216	184	191	228
JOHOR	2745	2722	2031	1405	1,186	980	780	15	82
KELANTAN	107	99	86	217	246	223	305	315	391
TERENGGANU	224	148	231	138	106	180	173	230	131
PAHANG	190	117	190	183	231	178	264	248	172
SABAH	191	170	159	233	227	232	285	419	336
SARAWAK	383	550	546	622	509	503	538	398	485
JUMLAH	14,368	14,640	15,798	11,536	9,617	11,074	11,106	8,205	9,687

Tuan Yang Dipertua,

Bagi kematian akibat kes ragut pula, dalam tempoh yang sama terdapat 13 kematian telah dilaporkan iaitu seramai empat (4) orang pada tahun 2005, seorang pada tahun 2006, seorang pada tahun 2007, dua (2) orang pada tahun 2008 dan lima (5) orang pada tahun 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.

SOALAN NO: 35

DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA: DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH
[BATU SAPI]
TARIKH : 25 MAC 2010
SOALAN :

Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakan kos penyelenggaraan tahunan Hospital Duchess of Kent di Sandakan. Adakah penyelenggaraan Hospital tersebut telah diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyelenggaraan Hospital Duchess Of Kent adalah dilaksanakan secara penswastaan oleh syarikat konsesi iaitu Syarikat **Faber-Medi-Serve Sdn. Bhd.** Terdapat lima perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat ini iaitu *Facility Engineering Management Service (FEMS), Biomedical Engineering Management Services (BEMS), Cleansing Service (CLS), Chemical Waste Management Service (CWMS) dan Linen and Laundry Services (LLS)*. Kos penyelenggaraan setahun adalah sekitar RM11 juta bagi tahun 2008 dan RM 13.5 juta bagi tahun 2009.

NO. AUM :J21)

NO. AUP : 3Q>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
 [TELOK INTAN]**

TARIKH 25 MAC 2010

RUJUKAN 2393

SOALAN:

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pada 30.10.2009 seorang perempuan bernama Norizan Salleh telah ditembak oleh pihak Polis 5 Kali, dipukul selepas ditembak, dan selepas siasatan didapati tidak bersalah. Apakah tindakan disiplin atau mahkamah diambil oleh anggota Polis yang terlibat.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Telok Intan yang mengemukakan soalan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kes tersebut di siasat di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan (mencuba membunuh). Kertas siasatan telah pun dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya dan Timbalan Pendakwa Raya memutuskan tiada dakwaan dibuat terhadap mana-mana anggota polis yang terlibat di dalam kejadian berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

Semasa kejadian, pihak polis terpaksa melepaskan tembakan ke arah suspek setelah suspek cuba merempuh kenderaan polis walaupun diarahkan untuk berhenti. Dalam kejadian tersebut serpihan peluru terkena saudari Norizan binti Salleh. Hasil siasatan polis juga mendapati kenderaan yang digunakan adalah kenderaan curi bersabit Alor Setar repot: 18656/09 bertarikh 24 September 2009.

NO.AUM

NO. AUP : 3?

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG]
TARIKH 25 MAC 2010
RUJUKAN 2392

SOALAN:

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah sebenar tahanan ISA pada 21 Januari 2010 dan apakah status terkini tahanan tersebut dan nyatakan juga jumlah semasa tahanan ISA sama ada yang masih di bawah tahanan 60 hari dan yang berada di Kem Kemunting.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Machang yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pada 21 Januari 2010 terdapat lima belas (15) orang tahanan yang sedang menjalani Perintah Tahanan di bawah ISA. Daripada jumlah tersebut, enam (6) adalah warganegara Malaysia, empat (4) orang warganegara Sri Lanka dan masing-masing seorang (1) warganegara Bangladesh, Thailand, Pakistan, Singapura serta seorang (1) warganegara Indonesia yang telah diberikan taraf Penduduk Tetap oleh Kerajaan. Mereka yang ditahan ini

JAWAPAN

ditempatkan di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Perak.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat juga, tahanan 60 hari adalah bagi tujuan siasatan lanjut oleh pihak Polis iaitu tahanan di bawah seksyen 73 (1) ISA. Pada 21 Januari 2010, seramai sepuluh (10) orang ada di dalam tahanan ini yang terdiri daripada sembilan (9) orang warganegara asing dan seorang (1) warganegara Malaysia.

NO SOALAN : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

**LISAN DATUK AZALINA BINTI DATO'
OTHMAN SAID**

TARIKH

25 MAC 2010

SOALAN

Datuk Azalina Binti Dato' Othman Said minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berhubung FELDA berkaitan penyelesaian masalah hak milik tanah untuk golongan peneroka dan generasi kedua peneroka.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap peneroka diperuntukkan kawasan pegangan seluas kira-kira 10 ekar bagi kawasan pertanian dan kira-kira suku ekar atau 0.25 ekar bagi kawasan kediaman. Mengikut perjanjian dengan peneroka dan Kerajaan Negeri, peneroka akan dikurniakan suratan hak milik apabila selesai menyempurnakan Bayaran Kembali (BK) iaitu kos pembangunan yang didahulukan oleh Kerajaan. Kos pembangunan ini terdiri daripada kos membersih hutan, kos pembangunan

ladang, penyediaan tapak dan pembinaan rumah, bayaran cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri, pinjaman persendirian dan lain-lain.

Setelah selesai menjelaskan BK dan lot-lot peneroka siap diukur, Kerajaan akan mengemukakan permohonan hak milik dan mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri supaya peneroka yang terlibat dikurniakan suratan hak milik bagi kedua-dua kawasan pertanian dan kediaman.

Kerajaan tidak pernah mungkir janji dalam soal pemberian hak milik ini. Sehingga kini daripada seramai 112,635 peneroka di seluruh negara, seramai 75,747 peneroka atau 67.3% telah diberikan hak milik dan 36,888 atau 32.7% peneroka masih belum menerima hak milik. Sehingga 1 Mac 2010, sebanyak 13,264 permohonan hak milik telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan. Dalam usaha mempercepatkan pemberian hak milik, Kerajaan sentiasa bekerjasama dengan Pentadbiran Negeri untuk menyegerakan urusan hak milik kepada peneroka.

Mengenai pemberian hak milik kepada generasi peneroka, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk menentukan lot-lot kosong yang masih ada di tanah rancangan untuk diberikan kepada generasi peneroka. Dalam soal ini, FELDA bersedia setakat kemampuan untuk membantu generasi peneroka membina dan menyiapkan rumah mampu milik untuk diduduki oleh generasi baru. Sehingga kini Kerajaan telah menyiapkan sebanyak 1,357 unit rumah untuk generasi peneroka dan 2,624 unit dalam pembinaan.

NO.AUM 1^20^8

NO.AUP : 3°/

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR]
TARIKH	25 MAC 2010
RUJUKAN	2553

SOALAN:

Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status kewarganegaraan anak-anak yang dilahirkan di Malaysia kepada sepasang suami isteri Islam yang telah menetap secara haram di Malaysia. Adakah anak-anak mereka serta generasi seterusnya akan diklasifikasikan sebagai Melayu Bumiputera.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kapar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, taraf kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia adalah ditentukan berdasarkan kepada taraf kewarganegaraan dan status perkahwinan ibu dan bapanya semasa kelahiran berlaku. Ini dijelaskan di bawah Seksyen 1(a) Bahagian 2 Jadual Kedua bagi Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan di mana sekurang-kurangnya ibu atau bapanya mestilah seorang warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap.

Oleh yang demikian, anak-anak yang dilahirkan di Malaysia kepada sepasang suami isteri Islam yang telah menetap secara haram di Malaysia tidak layak mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia kerana ibu dan bapanya adalah warga asing. Penentuan keturunan kanak-kanak tersebut adalah berdasarkan keturunan ibu bapanya. Sekiranya salah seorang daripada ibu atau bapa kanak-kanak itu adalah Melayu, maka Pendaftar Kelahiran akan memasukkan keturunan kanak-kanak tersebut sebagai Melayu.

NO.SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED

SAID (KUALA KRAU) 25 MAC 2010

TARIKH

SOALAN :

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA KRAU) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pendekatan Program Juara Rakyat dan bagaimana ianya dapat dihayati oleh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, bangsa dan agama bersesuaian dengan Konsep 1 Malaysia yang telah diilhamkan oleh Y.A.B Perdana Menteri.

JAWAPAN: Y.B DATUK HAJI AHMAD HAJI MASLAN

Tuan Yang Di Pertua

Program Juara Rakyat adalah suatu program untuk mendekatkan pemimpin kepada rakyat. Menerusi Program Juara Rakyat, pemimpin- pemimpin dapat menyelami keperluan dan kehendak rakyat, menyelesaikan masalah rakyat serta memperjuangkan aspirasi rakyat.

Melalui Program Juara Rakyat, pemimpin tempatan mendalam keperluan rakyat dalam semua bidang merangkumi pendidikan, kebajikan, wanita, keluarga, belia, pertanian, pekerjaan, kesihatan, keusahawanan, ekonomi, perpaduan, kerohanian dan lain-lain. Program ini telah berjaya merapatkan lagi hubungan antara pemimpin dan rakyat dan banyak masalah rakyat dapat diselesaikan, tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Ianya adalah di awal peringkat pelaksanaan dan keberkesanannya masih dalam kajian.

Sesuai dengan maksud Juara Rakyat program ini telah berjaya menyemarakkan matlamat asasnya pengjurannya iaitu untuk :

1. Sentiasa menujuarai kehidupan rakyat.
2. Sentiasa menujuarai pembelaan rakyat.
3. Sentiasa menjadi johan dalam membangunkan rakyat.
4. Sentiasa di barisan hadapan untuk rakyat.
5. Sentiasa menjadi juara dalam hati dan minda rakyat.
6. Rakyat sentiasa menjadi juara dalam perjuangan pimpinan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

- IISAN

DARIPADA

: TIAN TONY PUA KIAM WEE

(PETA LING-JAYA UTARA)

TARIKH

SOALAN : Tuan Tony Puah Nam-Wee (Petaling Jaya Utara) minta

SUAJAN :
PERDANA

**PERDANA
MENTERI** menyatakan:

- (a) cara penilaian tanah yang ditawarkan kepada Naza TTDI sebagai bayaran pembinaan pusat pameran dan konvensyen Matrade, yang dimaklumkan Menteri bernilai RM197 juta; dan
 - (b) sebab tawaran open tender atau auction tidak dilaksanakan untuk mendapatkan nilai tertinggi bagi tanah kerajaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Penilaian harga tanah dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan pada tahun 2007 sebanyak **RM197 juta** adalah berdasarkan pegangan tanah secara pajakan 99 tahun bagi kegunaan terbaik dan tertinggi iaitu pembangunan perdagangan (pembangunan bercampur). Sehingga perundingan syarat dan terma perjanjian projek dimuktamadkan pada

tahun 2009 nilai harga tanah pertukaran berkenaan telah meningkat kepada **RM420 juta** (berasaskan penilaian JPPH pada tahun 2009).

(b) Menerusi kaedah/pendekatan projek penswastaan secara pertukaran tanah (land swap) sesuatu **nilai kemudahan/aset (projek)** yang akan **disedia/ditawarkan oleh syarikat kepada Kerajaan mestilah sama atau lebih tinggi daripada nilai tanah pertukaran** kepada pihak syarikat. Kerajaan memberikan pertimbangan **kelulusan secara prinsip terhadap cadangan projek ini pada tahun 2007** adalah mengambil kira nilai kemudahan yang ditawarkan (Matrade Centre) oleh syarikat Naza TTDI iaitu **RM628 juta** adalah **tiga kali ganda lebih tinggi** daripada nilai tanah pertukaran. Disamping itu, Kerajaan mendapat **perlaksanaan projek ini adalah berbaloi dan efektif** serta mengambil kira bahawa projek yang akan dilaksanakan adalah **projek ikonik** dan berimpak tinggi yang memerlukan syarikat yang mempunyai kapasiti dan keupayaan yang kukuh dari aspek teknikal dan kewangan dalam melaksanakan projek tersebut.

NO. AUM : 42

NO. AUP : 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **PUAN SITIZAILAH BT. MOHD YUSOFF**

[RANTAU PANJANG]

TARIKH **25 MAC 2010**

JAWAPAN

RUJUKAN 2581

SOALAN:

Puan Siti Zailah Bt. Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan bersepadu kerajaan LPKP, JPJ, PDRM bagi mengatasi kenderaan berat dan bas awam yang melebihi had laju dan menjadi punca kemaiangan serta sejauh mana keberkesanan agensi berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak LPKP, JPJ dan PDRM sentiasa mengadakan penguatkuasaan bersepadu dalam memerangi pesalah-pesalah trafik khususnya yang melibatkan kenderaan berat dan bas awam. Antara penguatkuasaan bersepadu yang melibatkan agensi-agensi tersebut adalah seperti Ops Sikap, membuat pemeriksaan terhadap pemandu-pemandu bas ekspress dan bas persiaran, pengiklanan dan kempen kesedaran serta memperbanyakkan menara kawalan trafik untuk memantau dan merakam pemandu yang melakukan kesalahan lalu lintas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan berat dan bas awam yang memandu melebihi had laju di jalankan oleh pihak PDRM dengan mengadakan operasi-operasi berkala. Selain PDRM, JPJ juga sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan- kenderaan berat dan juga bas-bas awam iaitu dengan memeriksa dari segi teknikal, perlesenan dan keadaan am kenderaan tersebut.

Manakala pihak LPKP pula menjalankan pemeriksaan ke atas perkara-perkara yang berkaitan permit. Selain daripada itu, butir-butir pemandu kenderaan berat dan bas yang di saman ini akan di salurkan kepada pihak LPKP untuk makluman dan tindakan mereka seterusnya.

Tuan Yang Dipertua,

Kerjasama PDRM, JPJ dan LPKP adalah amat baik dan saling bergandingan dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan ke atas pengguna-pengguna jalanraya yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang.

NO SOALAN :

43 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' SERI ONG KA CHUAN
	(TANJUNG MALIM)
TARIKH	25 MAC 2010

SOALAN :

Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjung Malim) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah prestasi pelaksanaan projek-projek

pembangunan di bawah RMK-9 setakat ini. Berapakah projek yang dilaksanakan merupakan projek sakit dan apakah punca utama yang menyebabkan berlakunya projek-projek bermasalah.

JAWAPAN :

Kerajaan telah memperuntukkan siling peruntukan sebanyak RM230.0 bilion bagi melaksanakan 26,823 projek dalam tempoh RMK-9. Sehingga 28 Februari 2010, sebanyak RM172.2 bilion atau 74.9% telah dibelanjakan.

Prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah RMK-9 bagi tempoh sehingga 28 Februari 2010 adalah seperti berikut:

	Jumlah Projek	Peratus
Belum Mula	705	2.6
Dalam Pelaksanaan	15,636	58.2
Sudah Siap	10,482	39.0
	e* 26,823	100.00

Berdasarkan maklumat dari Sistem Pemantauan Projek II (SPP II), daripada 15,636 projek Dalam Pelaksanaan, terdapat sebanyak 370 projek termasuk di dalam kategori projek sakit iaitu status pelaksanaan projek yang telah lewat melebihi 30% daripada jadual pelaksanaan. Di antara masalah utama yang kerap berbangkit pada peringkat pelaksanaan projek-projek RMK-9 adalah kelemahan kontraktor dari segi pengurusan, kewangan serta tenaga kerja dan kekurangan bahan binaan di pasaran.

NO. AUM NO.

AUP : leu

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO* JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH 25 MAC 2010

RUJUKAN 2396

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) adakah benar seorang Pegawai Penyiasat mengendalikan sehingga 20 Kertas Siasatan sehari jauh melebihi dari jumlah yang dicadangkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah PDRM; dan
- (b) apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a) adalah tidak benar seorang pegawai penyiasat mengendalikan sehingga 20 kertas siasatan sehari kerana beban tugas seorang pegawai penyiasat adalah 1 nisbah 19 kertas siasatan sebulan dan bukannya 1 nisbah 20 kertas siasatan sehari seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat.

Bagi menjawab soalan (b) pula, beban tugas pegawai penyiasat yang ideal untuk memastikan penyiasatan yang berkualiti adalah 1 nisbah 5 kertas siasatan sebulan bagi setiap pegawai penyiasat seperti yang di syorkan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan Dan Pengurusan PDRM. Justeru itu, setelah mengambil kira syor yang di berikan oleh suruhanjaya, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) telah mengambil langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang iaitu:

i) Fasa 1 (jangka pendek):

- Menambah perjawatan pegawai penyiasat bagi 4 kontinjen iaitu Johor, Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang yang terlibat dalam projek *pilot* Program NKRA yang membabitkan 24 Daerah *hot spot*
- Keperluan penambahan adalah seperti berikut:

i)	pegawai penyiasat kanan (SIO)	132
ii)	pegawai penyiasat (IO)	408
iii)	penolongpegawai penyiasat (AIO)	1,224
JUMLAH		1.764

ii) Fasa 2 (jangka panjang):

- Menambah perjawatan pegawai penyiasat bagi seluruh kontinjen dan keperluan perjawatan adalah seperti berikut:

i)	pegawai penyiasat kanan (SIO)	-	304
ii)	pegawai penyiasat (IO)	-	908
iii)	penolongpegawai penyiasat (AIO)	-	2,843
JUMLAH			4,054

Tuan Yang Dipertua,

Keperluan jangka pendek dan jangka panjang yang di rangka ini akan dapat memenuhi syor suruhanjaya dengan beban tugas setiap pegawai penyiasat ialah 1 nisbah 5 kertas siasatan sebulan.

NO. SOALAN: 4~%

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH **25 Mac 2010 [Khamis]**

DARIPADA **Datuk Seri Syed Hamid bin Syed
Jaafar Albar [Kota Tinggi]**

SOALAN

YB Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah benar Tabung Haji juga menguruskan program naik haji mewah pada musim haji dengan bayaran dari RM90,000 sehingga RM 120,000.

JAWAPAN : (YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pakej haji yang dimaksudkan bukannya program naik haji mewah, tetapi sebenarnya pakej ISTIMEWA iaitu Pakej Almaas pada harga RM119,990 dengan

penginapannya di Dar Tawhid Intercontinental di Makkah, Oberoi di Madinah dan Rosewood di Jeddah. Tambahan pula, masa penginapan di hotel-hotel ini adalah

semasa "super peak time" iaitu dari 04 hingga 16 Zulhijjah yang merupakan masa kemuncak haji. Bas yang digunakan juga merupakan bas yang paling selesa, model terbaru dengan perkhidmatan khas di Arafah dan Mina.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]
TARIKH	25 MAC 2010 (KHAMIS)
<u>SOALAN</u>	Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan menyokong cadangan menubuhkan Jawatankuasa Pilihan mengenai Peta Program Transformasi Kerajaan 1 Malaysia yang dipengerusikan oleh pembangkang supaya masalah dan kekurangan yang dikenal pasti dalam peta jalan berkenaan seperti kehilangan cerdik pandai yang berpindah ke luar negara ditangani dengan sewajarnya.

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)

Penggubalan Program Transformasi Kerajaan (PTK) atau *Government Transformation Program (GTP)* adalah berdasarkan kepada banyak punca maklumbalas daripada rakyat, secara langsung dan tidak langsung, untuk mengenalpasti bidang-bidang tumpuan untuk dilaksanakan supaya mendatangkan faedah bagi rakyat jelata dan kumpulan-kumpulan sasaran.

Enam bidang keberhasilan utama negara atau NKRA (National Key Results Areas) telah dikenalpasti dengan ditetapkan pelan-pelan penyampaian (*delivery plans*) secara terperinci bagi setiap NKRA. Kesemua NKRA telah dipamerkan dan sesi-sesi perbincangan telah diadakan bagi orang awam semasa Hari Terbuka GTP di Sunway Pyramid, Kuala Lumpur 17-18 Disember 2009.

Semua ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah dijemput ke Hari Terbuka GTP ini. Beberapa ahli Dewan Rakyat dari parti-parti pemerintah dan parti-parti pembangkang telah meluangkan masa menghadiri Hari Terbuka tersebut, termasuk Yang Berhormat dari Ipoh Timur. Hasil daripada maklumbalas yang dikumpul semasa Hari Terbuka ini dan juga dua Hari Terbuka yang telah diadakan di Kuching dan Kota Kinabalu, Pelan Halatuju PTK atau GTP Roadmap telah dimuktamadkan dan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri.

Buku *GTP Roadmap* yang diterbit dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, bersama dengan cakera padat (CD) telah dibentangkan atas meja setiap ahli Dewan Rakyat pada 17 Mac 2010. Ianya juga dapat dicapai oleh semua orang melalui laman web: www.transformation.gov.my.

Dari masa ke semasa, prestasi pelaksanaan setiap NKRA serta *Ministerial KRA* akan diumumkan melalui media massa. Setiap awal tahun, satu laporan tahunan mengenai kemajuan, masalah-masalah yang dihadapi dan langkah-langkah penyelesaian yang diusahakan dalam tahun yang terdahulu akan juga diumumkan kepada orang awam. Ianya juga akan diedarkan kepada semua ahli Dewan Rakyat dan

Dewan Negara.

Memandangkan bahawa Kerajaan sedang dan akan mengamalkan pendekatan yang begitu telus dan terbuka dalam pelaksanaan GTP, maka adalah tidak perlu untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parliment mengenai GTP.

NO. AUM :£9*6&

NO. AUP : Y^-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
[SIPITANG]

TARIKH 25 MAC 2010

RUJUKAN 2555

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang dilaksanakan bagi menangani isu berkaitan pembantu rumah di negara ini secara berkekalan, berikutan laporan menyebut bahawa pembantu rumah dari Mindanao akan dibekalkan ke negara kita untuk majikan beragama Islam. Tindakan ini dilakukan berikutan pembekuan dalam pengambilan pembantu rumah dari Indonesia yang masih

JAWAPAN:

dikuatkuasakan.
Tuan Yang Di-Pertua.,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini negara sumber yang dibenarkan untuk pengambilan PRA di Malaysia adalah Indonesia, Thailand, Kemboja, Filipina, Sri Lanka, India, Laos, Nepal dan Vietnam.

Walau bagaimanapun pilihan majikan untuk mengambil dari negara sumber ini sangat terhad kerana faktor dasar negara sumber. Sebagai contohnya, Filipina yang menetapkan gaji minimum yang tinggi iaitu USD 400 (atau RM1.400 sebulan) dan waktu kerja tertentu yang dihadkan, manakala rakyat dari Kemboja dan Thailand tidak berminat untuk menjadi PRA.

Permintaan yang tinggi terhadap PRA dari Indonesia adalah disebabkan oleh kemudahan berkomunikasi kerana faktor bahasa dan faktor budaya serta adat resam yang hampir sama di Malaysia. Bagi majikan beragama Islam, PRA Indonesia adalah pilihan pertama kerana ramai PRA Indonesia beragama Islam. Selain daripada itu, kos pengambilan PRA dari Indonesia yang jauh lebih murah berbanding negara-negara yang lain juga menyebabkan PRA Indonesia lebih disukai.

Tindakan Kerajaan Republik Indonesia yang membekukan penghantaran PRA Indonesia ke Malaysia pada 25 Jun 2009 telah mengakibatkan kebanyakan majikan di Malaysia terutamanya yang beragama Islam menghadapi masalah bagi mendapatkan PRA yang beragama Islam. Bagaimanapun, berdasarkan kepada pendapat umum menyatakan situasi ini masih belum sampai ke tahap membimbangkan.

Berbagai usaha telah dilakukan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap PRA dari Indonesia antaranya ialah:

- i. Kerajaan mewajibkan semua Kementerian dan jabatan Kerajaan untuk menediakan pusat peniagaan harian dan pendidikan anak-anak. Langkah ini secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan Kerajaan kepada pekerja asing di samping memberi peluang pekerjaan kepada warganegara Malaysia untuk memberikan perkhidmatan di pusat penjagaan harian dan juga pusat pendidikan anak-anak;
- ii. menggalakkan pembuahan pusat-pusat jagaan kanak-kanak oleh pihak swasta; dan
- iii. menggunakan perkhidmatan pencucian dan pembersihan rumah oleh syarikat-syarikat tempatan.

Mengenai kemungkinan untuk menggunakan perkhidmatan PRA dari Mindanao, adalah didapati Kerajaan Filipina masih tetap dengan dasar yang sama iaitu menetapkan gaji minimum sebanyak USD 400

serta syarat-syarat kontrak pengambilan PRA yang standard untuk semua rakyat Filipina.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25 MAC 2010 (KHAMIS)
DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)
SOALAN

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilakah Kementerian akan menggubal rang undang-undang bagi pentemak burung walit di negara kita memandangkan industri pentemakan burung walit telah semakin berkembang. Apakah Kementerian mempunyai apa-apa garis panduan yang mengawal selia penternakan burung walit sebelum rang undang-undang ini dikeluarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 April 2009 telah bersetuju supaya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani akan bertindak sebagai agensi peneraju pembangunan industri sarang burung walit negara. Oleh itu segala Akta dan garis panduan mengenai penternakan dan pengawalan industri sarang burung walit akan dikeluarkan oleh kementerian berkenaan. Walau bagaimanapun, KPKT ada mengeluarkan garis panduan permohonan lesen premis perusahaan sarang burung walit untuk digunakan oleh semua PBT sebagai rujukan/panduan dalam proses memberi kelulusan lesen premis bangunan terutama di kawasan bandar.

Untuk makluman, suatu Garis Panduan Industri Walit Negara (1GP) sedang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinary (JPV), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang mana akan diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Kementerian ini telah memberi input berkaitan aspek perancangan dan pengawalan guna tanah dalam penyediaan garis panduan tersebut bagi memastikan aktiviti pentemakan burung walit dijalankan secara teratur. Di antara perkara yang digariskan di dalam garis panduan tersebut adalah berkaitan dengan kawalan operasi di mana pentemakan burung walit tidak dibenarkan dijalankan di dalam kawasan pusat tumpuan utama aktiviti bandar.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Mac 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)

RUJUKAN PR-1231-L35588

SOALAN NO : ^

TARIKH 25 MAC 2010

SOALAN

DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan nilai yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan akibat kerosakan jalan yang teruk selepas kejadian banjir di negeri Pantai Timur hujung tahun 2009 dan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan masalah serupa tidak lagi berulang dalam maksud kualiti jalan yang rendah atau sebagainya.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap kali musim tengkujuh yang melanda negeri-negeri di Pantai Timur telah menyebabkan berlakunya banjir yang mengakibatkan jalan-jalan di negeri-negeri tersebut turut ditenggelami air. Kesan daripada ini, pihak Kementerian telah mendapati nilai yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan akibat kerosakan jalan yang berlaku selepas kejadian banjir di negeri-negeri di Pantai Timur pada hujung tahun 2009 adalah berjumlah RM201.4

juta. Daripada jumlah itu sebanyak RM56.0 juta adalah kos pembaikan bagi negeri Terengganu, RM35.0 juta bagi negeri Pahang dan RM110.4 juta bagi negeri Kelantan.

Pembaikan kerosakan jalan akibat banjir ini melibatkan kerja-kerja menaik aras jalan, menurap semula jalan, membaikpulih embankment runtuh, pembaikan cerun, pembaikan culvert serta longkang dan lain-lain kerja-kerja pemulihan yang perlu bagi memastikan keadaan jalan dalam keadaan yang selamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian telah merancang pelbagai program bagi memastikan impak kerosakan jalan akibat banjir tidak menelan kos yang besar setiap kali musim banjir berlaku. Pada setiap tahun, pihak Kementerian telah melaksanakan program penyenggaraan jalan merangkumi aktiviti menaiktaraf longkang dan pembentung serta kerja-kerja pengukuhan dan pembaikan pavemen. Pihak Kementerian juga telah melaksanakan Program Pembangunan Kerosakan Jalan Akibat Banjir merangkumi semua negeri di Malaysia sejak tahun 2007.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang dijangka bermula pada tahun 2011, Kementerian telah merancang Program Meninggikan Aras Jalan di seluruh negara melibatkan sejumlah 169 lokasi yang sering dinaiki air dengan kos berjumlah RM208.1 juta. Daripada jumlah tersebut 43 lokasi telah dikenalpasti terletak di Pantai Timur iaitu 13 lokasi di negeri Terengganu dengan

kos RM17.2 juta, 28 di negeri Pahang dengan kos RM63.7 juta dan 2 di negeri Kelantan dengan kos RM2.1 juta.

Kementerian berharap, dengan pelaksanaan semua program yang dirancang ini, impak kerosakan struktur jalan dapat dikawal pada tahap minimum walaupun jangka hayat dan kualiti jalanraya mengalami kemerosotan setiap kali ditenggelami banjir saban tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

NO. AUM 4>

NO. AUP : £0

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH
MERAH]**

TARIKH 25 MAC 2010

RUJUKAN 2399

SOALAN:

**Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan**

- (a) jumlah ceti haram (along) yang berjaya diberkas hasil operasi dan penyamaran oleh pihak polis; dan
- (b) bentuk-bentuk tindakan yang diambil berserta mekanisme agar pesalah tidak mengulangi kegiatan haram mereka.

JAWAPAN
Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanah Merah yang mengemukakan pertanyaan.

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2009, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) telah membuka sebanyak **484 kertas siasatan** di bawah **seksyen 5(2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951** kerana menjalankan aktiviti memberi pinjam wang tanpa lesen. Daripada jumlah tersebut 9 kes masih di dalam perbicaraan mahkamah dan 453 masih di dalam siasatan polis. Selebihnya sebanyak 21 kes telah ditutup.

Sebanyak **578 kes** melibatkan kegiatan Ah Long di bawah **Kanun Keseksaan** yang dilaporkan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) bagi tahun 2009. Daripada jumlah tersebut, **70 kes tangkapan** telah dibuat, 8 kes masih di dalam perbicaraan mahkamah serta 431 kes lagi masih dalam siasatan polis. Selebihnya sebanyak 129 kes telah ditutup.

Selain daripada tindakan undang-undang jenayah, tindakan di bawah **Akta Kediaman Terhad 1933** juga telah diambil terhadap Ah Long yang menjalankan aktiviti memberi pinjam wang tanpa lesen. Bagi tahun 2009 sahaja, JSJK telah membuka sebanyak **27 kes** fail terhadap Ah Long.

- b) Untuk memastikan pesalah-pesalah Ah Long tidak lagi mengulangi kegiatan haram yang mereka telah jalankan, pihak kerajaan (melalui PDRM dan Jabatan Penjara Malaysia), akan mengambil

pendekatan/tindakan di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Jenayah / Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam & Pencegahan Janayah) Ordinan 5/69 dan Akta Kediaman Terhad, 1933. Sebaik sahaja subjek ditangkap, mereka akan ditempatkan di Pusat Pemulihan Akhlak (PPA), Jabatan Penjara Malaysia, atau dikenakan Perintah Sekatan, di bawah Akta Kediaman Terhad 1933, bagi tujuan pemulihan.

Untuk pesalah yang ditempatkan/ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak (PPA), Jabatan Penjara Malaysia, mereka akan menjalani satu proses pemulihan (rehabilitasi) yang melibatkan sesi kaunseling selama 2 tahun. Manakala, bagi pesalah- pesalah yang dikenakan Perintah Sekatan pula, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan sentiasa mengawasi tingkah laku mereka serta sebarang aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan (selepas dibebaskan daripada tahanan), di dalam memastikan agar mereka tidak lagi terlibat dalam sebarang bentuk aktiviti yang sama.

SOALAN NO: FT/

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN DARIPADA

LISAN
TUAN HAJI AHMAD LAI
BIN
BUJANG
[SIBUTI]

TARIKH SOALAN

25 Mac 2010

TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lesen Kelas F kepada golongan usahawan belia bawah 35 tahun ataupun kepada graduan universiti bagi membolehkan mereka menceburi diri dalam bidang kontraktor memandangkan Lesen Kelas F telah dibekukan dan ini adalah tidak selaras dengan hasrat Kerajaan supaya golongan belia terlibat dalam bidang usahawan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua;

Pada masa kini proses pengemaskinian maklumat dan rekod kerja keseluruhan kontraktor Kelas F sedang giat dijalankan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Sehingga kini masih terdapat 28,800 lesen kontraktor Kelas F yang berdaftar dengan PKK dan jumlah tersebut adalah memadai untuk melaksanakan projek-projek yang ditawarkan Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya menggalakkan golongan belia dan graduan untuk menceburkan diri dalam industri pembinaan di negara ini. Sehubungan itu, pengumuman rasmi mengenai pembukaan semula lesen pendaftaran Kelas F akan diadakan sebaik sahaja proses pengemaskinian data kontraktor Kelas F sedia ada

JAWAPAN :

diselesaikan dalam tempoh terdekat ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN

TARIKH 25 MAC 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah wujud badan tertentu yang meneliti dari semasa ke semasa terma dan syarat perjanjian persekutuan antara Kerajaan-

Kerajaan negeri dan pihak pusat yang telah digunakan sejak tahun 1948.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Buat masa ini, tiada badan tertentu diwujudkan untuk meneliti dari semasa ke semasa terma dan syarat perjanjian persekutuan antara Kerajaan- Kerajaan negeri dengan pihak pusat yang telah digunakan sejak tahun 1948.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN: Sf S3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

TARIKH : 25 MAC 2010

SOALAN :

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah orang yang telah dikenakan

SOALAN NO: 52

tindakan disiplin atau tindakan mahkamah kerana terlibat dalam kesalahan yang terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara sejak tahun 2008, mengikut jenis pecahan kesalahan dan pangkat.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk maklumat YB Ipoh Barat, sehingga kini siasatan masih dijalankan oleh SPRM di seluruh negara dan belum ada lagi tindakan disiplin atau tindakan mahkamah diambil terhadap individu- individu terlibat berhubung pendedahan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008.

SOALAN NO. 5^f

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN DR. HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]

TARIKH 25 MAC 2010

SOALAN:

**Y.B. Tuan Dr. Hiew King Chew [Kota Kinabalu] minta PERDANA
MENTERI menyatakan mengapa kebanyakan daripada pesara vanq
beruniform seraam masih disenaraikan sebagai penaundi POS dalam daftar
pilihan raya.**

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia sememangnya menjalankan usaha yang giat dan berterusan dalam membersihkan daftar pemilih sedia ada agar sentiasa berada di dalam keadaan yang baik dan sempurna. Masalah pesara polis dan tentera yang namanya masih wujud di dalam daftar pemilih walaupun telah bersara berlaku apabila pesara tersebut tidak memaklumkan kepada SPR berkenaan status terkini perjawatannya serta tidak membuat permohonan untuk mendaftar sebagai pemilih awam. Oleh itu, SPR melalui program *smart partnership* bersama-sama pihak polis dan tentera secara berterusan bekerjasama dalam menyalurkan maklumat pegawai dan kakitangan mereka yang telah bersara bagi tujuan pembersihan daftar pemilih:

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**BAGI JAWAB LISAN
DATOK DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
[HULU SELANGOR]**

TARIKH

25 MAC 2010

SOALAN

55

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan kemalangan bas ekspress adalah begitu kerap dan serius, bilakah sistem profiling pemandu bas ekspress akan dilaksanakan dan jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2004, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menyediakan sistem *profiling* bagi pemegang lesen vokasional. Sistem *profiling* ini mempunyai maklumat-maklumat pemandu dan maklumat lesen sebagaimana terdapat dalam pangkalan data JPJ serta maklumat saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JPJ. Walau bagaimanapun, sistem ini dilaksanakan tanpa *link up* dengan agensi lain dan maklumat-maklumat saman dimasukkan secara *manual*.

Melalui sistem ini, pemilik kenderaan, pihak syarikat dan pihak Jabatan Kerajaan atau swasta boleh mengemukakan permohonan secara rasmi kepada pihak JPJ Ibu Pejabat di Putrajaya bagi mendapatkan maklumat-maklumat di atas. Sehingga kini, sebanyak 17 permohonan daripada syarikat-syarikat pengusaha kenderaan perdagangan telah diterima dan sebanyak 579 maklumat pemandu telah dikemukakan oleh JPJ.

Sebagai langkah jangka panjang, JPJ sedang dalam usaha untuk menyediakan perkongsian maklumat secara *online* antara agensi Kerajaan seperti PDRM, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Lembaga

Pelesenan Kenderaan Perdagangan - LPKP) dan Kementerian Kesihatan. Maklumat secara *online* akan dilaksanakan sebaik sahaja projek pengkomputeran semula JPJ dilaksanakan kelak.

WO;

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**AHLI PARLIMEN : Y.B TUAN GOBALAKRISHNAN
A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)**

TARIKH : 25 Mac 2010

SOALAN : 56

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah NARSCO iaitu koperasi pekebun-pekebun yang membeli getah cair dari Natex Rubber Kulim akan menjelaskan bayaran untuk getah yang dibeli pada tahun 2000.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

NARSCO dan NATEX Rubber Trading Sdn. Bhd. pada 10 Mac 2010 telah mengadakan rundingan bagi menyelesaikan bayaran hutang tertunggak. Persetujuan telah dicapai yang mana NARSCO akan membayar sebanyak RM4 juta kepada NATEX Rubber, melibatkan RM3 juta secara *lump-sum* dan bakinya sebanyak RM1 juta dibayar secara bulanan sebanyak RM100,000 sebulan selama 10 bulan melalui *post dated cheque*. Pembayaran ini akan diselesaikan dalam tempoh terdekat.

SOALAN NO: ^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.
RASIAH [SUBANG]**

TARIKH 25 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menurunkan umur kelavakan menaundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan no.59 pada 6 April 2010 oleh Y.B. Loke Siew Fook (Rasah).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan berpendapat umur matang bagi seseorang warganegara Malaysia adalah 21 tahun. Rakyat Malaysia yang di bawah umur tersebut adalah ditakrifkan sebagai remaja yang kebanyakannya masih lagi di alam persekolahan. Oleh yang demikian, kerajaan telah menentukan, kelayakan umur mengundi bagi seseorang warganegara Malaysia adalah apabila dia mencapai umur 21 tahun.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 58

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA : **TUANKARPAL SINGH**
[BUKIT GELUGOR]

TARIKH : **25MAC 2010**

SOALAN

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bilangan kes yang disiasat di bawah Seksyen 64(2)(a) Wildlife Protection Act, 1972 [Akta 76]. Nyatakan butir-butir berkenaan sabitan-sabitan di mahkamah-mahkamah di dalam negara dalam 10 tahun yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kes yang disiasat di bawah Seksyen 64(2)(a) Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76] dalam tempoh 10 tahun (2001-2010) adalah sebanyak 125 kes. Pecahan kes mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kes
2001	7
2002	12
2003	12
2004	13
2005	15
2006	21
2007	23
2008	16
2009	6
2010	Tiada
Jumlah Kes	125

Dalam tempoh 10 tahun (2001 hingga 2010) sebanyak 211 kes di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76] telah disabitkan di mahkamah. Butiran terperinci kes-kes ini adalah seperti di Lampiran A1 hingga A9.

Sekian, terima kasih.

KES -KES MAHKAMAH DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR 1972 [

AKTA 76] DALAM TEMPOH 10 TAHUN (2001-2010)

Kes Mahkamah tahun 2001

LAMPIRAN A1

Bil.	Tarikh	Tern pat kes didaftarkan	Kesalahan	Seksyen	Sabitan
1	2001	Kuala Lumpur	Memiliki sebahagian daging dan kaki beruang, 3 ekor musang pulut yang telah mati dan 5 ekor kluang yang telah mati secara tidak sah	Sek.64(2)(a) dan 68	Denda Mahkamah RM1.200
2	2001	Kuala Lumpur	Memiliki 2 ekor orang utan, 1 betina dan 1 jantan	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM2.000
3	2001	Kuala Lumpur	Memiliki 198 ekor tenggiling dan 4 ekor anak tenggiling yang tidak matang	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah Denda Pertama- RM2000 Denda Kedua-RM3000 dan penjara 14 hari Jumlah - RM5000
4	2001	Kuala Lumpur	Memiliki 703 ekor tenggiling hidup dan lebih kurang 15 kg tulang Harimau Belang	Sek.64(2)(a) dan 64A	Denda Mahkamah Denda setiap orang Pertama RM2000-Penjara 14 hari Kedua RM7000-Penjara 1 bulan Ketiga RM5000-Penjara 1 bulan Keempat RM2000-Penjara 14 hari Setiap seorang- RM16000 JUMLAH-RM32000
5	2001	Kuala Lumpur	Memiliki lebih kurang 11 kilogram daging kijang dan 2 ekor ular sawa	Sek.64(2)(a) dan 68	Denda Mahkamah Denda Pertama RM500 Denda Kedua RM500 Jumlah RM1000
6	2001	Kuala Lumpur	Memiliki 1 kucing batu (hidup)	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM800.00
7	2001	Johor	Memiliki 14 ekor tenggiling hidup	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM1000
8	2001	Johor	Memiliki 9 Kg daging badak cipan, 2 ekor musang pulut, 4 ekor daging beruk, 1.7 kg daging harimau	Sek.64(2)(a), 68 dan 64A	Denda Mahkamah RM4000

Jumlah kes yang telah disabitkan di Mahkamah pada tahun 2001 sebanyak 8 kes.

Kes Mahkamah tahun 2002

LAMPIRAN A2

Bil.	Tahun	Tempat kes didaftarkan	Kesalahan	Seksyen	Sabitan
1	2002	Kuala Lumpur	Memiliki 208 ekor biawak tikus secara tidak sah	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM3,000
2	2002	Kuala Lumpur	Memiliki 1 tenggiling, 5 musang yang telah dilapah, 6.5kg daging tenggiling yang telah dilapah 57 kulit ular sawa dan 731 keping kulit biawak secara tidak sah	Sek.64(2)(a) ,68	Denda Mahkamah RM1,200.00
3	2002	Kuala Lumpur	Memiliki 287 ekor musang pulut yang telah dilapah, 385 ekor kluang yang telah dilapah, 3 ekor anak musang pulut yang tidak matang, 2 ekor biawak air yang tidak matang, 2 ekor ular tedung selar, 56 keping terofi tall pinggang kulit ular sawa, 22 terofi beg poket kulit ular sawa dan 36 keping kulit ular sawa secara tidak sah	Sek.68	Denda Mahkamah RM6.000
4	2002	Kuala Lumpur	Memiliki 1 ekor tenggiling (hidup), 1 ekor musang yang telah dilapah, 29 ekor biawak air (hidup) dan 84 terofi kulit biawak air secara tidak sah	Sek.64(2)(a) ,68	Denda Mahkamah RM4,500
5	2002	Kuala Lumpur	Memiliki 46 ekor tenggiling hidup secara tidak sah.	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM2.000
6	2002	Kuala Lumpur	Memiliki 6 ekor tenggiling (hidup) secara tidak sah	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM400
7	2002	Kuala Lumpur	Memiliki 2 ekor tenggiling (hidup) secara tidak sah	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM800
8	2002	Kuala Lumpur	27.10.2002 - Memiliki 12 ekor tenggiling (hidup), 11 ekor tenggiling jenis betina(hidup)	Penyeludupan	Mahkamah Temerloh Pahang 19.11.2002

			dan 5 ekor anak tenggiling yang belum matang (hidup) secara tidak sah		RM500.00 bagi setiap kesalahan (RM1500)
9	2002	Kuala Lumpur	15.11.2002-Memiliki 17 ekor tenggiling (hidup) dan 4 ekor ular sawa (hidup) secara tidak sah	Penyeludupan	Mahkamah Kluang Johor(16.1.2003) Denda RM6,000.00
10	2002	Kuala Lumpur	2.4.2002 - Memiliki 1 memerang hidup, 2 Burung But But (hidup), 1 burung merbah keris leher (hidup) secara tidak sah	Penyeludupan	Mahkamah Perlis 13.1.2003 RM1,500.00 tiap satu pendahuluan RM500.00
11	2002	Kuala Lumpur	Memiliki 7 musang yang telah dilapah, 7 kucing batu yang telah dilapah, sebahagian daging beruk yang telah dilapah secara tidak sah	Penyeludupan	Mahkamah Pantai Remis Perak,denda RM3000
12	2002	Kuala Lumpur	15.10.2002 - Memiliki 4 ekor musang yang telah dilapah, 4 ekor kucing batu yang telah dilapah secara tidak sah	Penyeludupan	Mahkamah Banting Selangor 21.10.2002 Denda RM2.000.00
13	2002	Kuala Lumpur	15.10.2002-Memiliki 11 kilo daging musang yang telah dilapah, 3 ekor daging kluang yang telah dilapah	Penyeludupan	Mahkamah Banting Selangor 21.10.2002 Denda RM2,000.00
15	2002	Johor	Memiliki 27 ekor tenggeling	Penyeludupan	Kes Mahkamah,Denda RM2,500
16	2002	Perak	Memiliki 6 utas tali jerat dawai	Pemburuan Haram	Denda Mahkamah RM1000

Jumlah kes yang telah disabitkan di Mahkamah pada tahun 2002 sebanyak 16kes.

Bil.	Tahun	Tempat kes didaftarkan	Kesalahan	Seksyen	Sabitan
1	2003	Pulau Pinang	Mengimport dari Sarawak sebanyak 313.7 kg (12 guni) sisik tenggiling tanpa kebenaran	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah Penjara 6 bulan
2	2003	Kuala Lumpur	Memiliki 27 ekor tenggiling jenis betina, 6 ekor tenggiling yang tidak matang dan 16 tenggiling (hidup) jenis jantan secara tidak sah	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM1.900
3	2003	Pahang	Memiliki 12 tenggiling hidup dan 9 tenggiling betina, 1 tenggiling yang tidak matang secara tidak sah	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM1,500.00
4	2003	Selangor	Memiliki 33 kg sarang burung layang-layang secara tidak sah	Sek.68	Denda Mahkamah RM1,500.00 dan satu (1) hari penjara
5	2003	Pahang	Memiliki 6 tenggiling jantan, 3 tenggiling betina dan lebih kurang 300 kilogram sisik tenggiling secara tidak sah	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM600.00
6	2003	Selangor	Memiliki 207 tenggiling hidup secara tidak sah	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM2.500.00
7	2003	Selangor	Memiliki 16.7 kg terofit sarang burung layang-layang secara tidak sah	Sek.68	Denda Mahkamah RM2,000.00 dan penjara selama seminggu
8	2003	Kuala Lumpur	Memiliki 6 keping kulit ular sawa, 3 keping kulit biawak air, 1 ekor biawak air yang sudah mati lebih kurang 4.5 kilogram daging ular sawa, lebih kurang 7.5 kilogram daging air secara tidak sah	Sek.68	Denda Mahkamah RM2.400
9	2003	Kuala Lumpur	Memiliki lebih kurang 12.5 kg tangan dan kaki beruang, lebih kurang 23.5 kg daging kambing	Sek.64(2)(a),68	Denda Mahkamah RM1800

			gurun, lebih kurang 9 kg daging landak, lebih kurang 50 kg daging babi hutan,		
10	2003	Kuala Lumpur	Memiliki 3 kg gading gajah, 33.7 kg tulang harimau, 4 batang taring harimau, 6 batang kuku harimau dan 1.2 kg humpedu babi hutan	Sek.64(2)(a),68	Denda Mahkamah RM6.000
11	2003	Kuala Lumpur	Memiliki 18 kg daging kijang secara tidak sah	Sek.68	Denda Mahkamah RM1,000
12	2003	Kuala Lumpur	Memiliki satu tengkorak kepala harimau 31 kuku harimau, 4 kuku beruang, 1 gigi badak dan 10 taring harimau secara tidak sah	Sek.64(2)(a),64A,68	Denda Mahkamah RM3,000
13	2003	Kuala Lumpur	Memiliki 1 ekor tupai kerawak hitam hidup, 3 ekor memerang lincin hidup 2 ekor landak padi hidup, 1 ekor musang jebat hidup, 1 ekor kijang hidup, 3 ekor rusa sambar hidup, 1 ekor burung helang hindik hidup, 1 ekor burung merah mata hidup, 1 ekor lang berjambul hidup, 1 ekor burung merak pongsu hidup, 3 ekor tupai gading hidup secara tidak sah	Sek.64(2)(a),68	Denda Mahkamah RM3000
14	2003	Kuala Lumpur	Memiliki 4 tangan dan kaki beruang, 1 ekor musang yang dilapah, sebahagian daging kijang, 4 ekor beruk yang dilapah secara tidak sah	Sek.64(2)(a),68	Denda Mahkamah RM4.500
15	2003	Kuala Lumpur	Memiliki 43 kluang yang sudah dilapah, 3 kucing batu yang sudah dilapah, 1 musang yang sudah dilapah, lebih kurang 8.5 kg daging biawak, lebih kurang 3.5 kg daging ular sawa secara tidak sah	Sek.68	Denda Mahkamah RM2,000
16	2003	Kuala Lumpur	Memiliki 1 tangan beruang, 1 kaki beruang, sebahagian daging babi hutan, sebahagian daging rusa secara tidak sah.	Sek.64(2)(a),68	Denda Mahkamah RM5000
17	2003	Kuala Lumpur	Memiliki 1 ekor	Sek.68	Denda Mahkamah

			Lingsang, 1 Landak Raya, 7 keping kulit ular sawa, 3 keping kulit biawak air secara tidak sah		RM2000
18	2003	Kuala Lumpur	Memiliki 1 tenggiling yang telah mati secara tidak sah	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM1,000
19	2003	Kuala Lumpur	Memiliki 8 bahagian kaki beruang, 3 helai bulu Burung Kuang Raya dan 8 utas Jerat Dawai secara tidak sah	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM4400
20	2003	Pulau Pinang	memiliki 2 ekor burung liar yang diperlindungi sepenuhnya dan 184 ekor burung liar yang diperlindungi	Sek.64(2)(a),68	Denda Mahkamah RM4000

Jumlah kes yang telah disabitkan di Mahkamah pada tahun 2003 sebanyak 20 kes.

Kes Mahkamah 2004**LAM PI RAN A4**

Bil.	Tahun	Tempat kes didaftarkan	Kesalahan	Seksyen	Sabitan
1	2004	Kuala Lumpur	Memiliki 33 ekor biawak serunai	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM2500
2	2004	Kuala Lumpur	Memiliki: 1 ekor binturung 1 ekor burung punai 1 ekor burung red throated dan 2 ekor burung merbah luris leher	Sek.64(2)(a),68	Denda Mahkamah RM4.500
3	2004	Perak	Memiliki 60 Tiong Mas, 104 biawak tikus, 27 biawak air(mati), 33 biawak air(hidup), 38 kulit biawak air, 5 ular sawa dilapah, 6 ekor tenggiling san sebahagian sisik tenggiling	Sek.64(2)(a),68	Denda Mahkamah RM2.400
4	2004	Kuala Lumpur	Memiliki: 1 ekor tenggiling 1 ekor ular sawa 3 trofi kulit biawak 6 trofi ular sawa 1 trofi kulit ular berwarna	Sek.64(2)(a),68	Denda Mahkamah RM2.800
5	2004	Perlis	Memiliki 233 ekor tenggiling	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM3,000
6	2004	Kuala Lumpur	memiliki: 40 jerat dawai siap 18 utas jerat dawai separuh siap, 1 buah lampu bateri dan 1 jaring burung	Sek.76	Kes selesai Denda 62 hari penjara. Sek 76 A(1)
7	2004	Kuala Lumpur	memiliki: 7 tenggiling tidak matang 122 tenggeling jenis betina 89 tenggeling	Sek.64(2)(a),65,66	Denda Mahkamah RM9.000
8	2004	Pahang	Mengambil sebahagian daging babi hutan secara tidak sah dan memiliki 6 utas jerat wire/snare dan 24 utas jerat tali nylon.	Sek.68,76(2)	Denda Mahkamah RM6.000
9	2004	Kuala Lumpur	Memiliki: 3 tenggeling hidup(2 jantan,1 betina) 5 ekor tenggiling mati, lebih kurang 4.8 kg sisik tenggeling dan 85 ekor	Sek.64(2)(a),66,68	Denda Mahkamah RM5.000

			burung tiong mas		
10	2004	Kuala Lumpur	Memiliki: 10 Tenggeling tidak matang, 145 tenggeling betina dan 125 tenggeling jantan	Sek.64(2)(a),65,66	Denda Mahkamah RM6000
11	2004	Perlis	Memiliki 103 ekor tenggiling	Sek.64(2)(a)	Denda Mahkamah RM4.000
12	2004	Kuala Lumpur	Memiliki: 21 tenggeling jantan 15 tenggeling betina 1 tenggeling mati dan 2 tenggeling tidak matang	Sek.64(2)(a),65,66	Denda Mahkamah RM2.100
13	2004	Kuala Lumpur	Memiliki: 105 tenggeling betina 64 tenggeling jantan 13 tenggeling tidak matang 13 kg sisik tenggeling	Sek.64(2)(a),65,66	Denda Mahkamah RM7.500
14	2004	Kuala Lumpur	memiliki: 4 tenggeling jantan 4 tenggeling betina lebih kurang 900 kg sisik tenggeling dan 1 ekor ular sawa	Sek.64(2)(a),66,68	Denda Mahkamah RM3.000
15	2004	Kuala Lumpur	memiliki: 9 tenggeling jantan 2 tenggeling betina	Sek.64(2)(a),66	Denda Mahkamah RM3.400

Jumlah kes yang telah disabitkan di Mahkamah pada tahun 2004 sebanyak 15 kes.

Bit.	Tempat kes didaftarkan	Tahun	Kesalahan	Seksyen	Sabitan
1	Kuala Lumpur	2005	Memiliki tiga (3) ekor musang yg telah dilapah, tiga (3) kaki beruang.dua (2) tangan beruang.lebih kurang 32.2 kg tulang beruang dan satu (1) kepala kijang	64(2)(a) dan 68	Denda Mahkamah RM 5500
2	Kuala Lumpur	2005	Memiliki enam (6) ekor Tenggiling jantan	64(2)(a)	Denda Mahkamah RM 1000
3	Kuala Lumpur	2005	Memiliki sembilan (9) keping ekor buaya, lebih kurang enam puluh lapan (68) kg daging ular sawa	64(2)(a) dan 68	Denda Mahkamah RM 4000
4	Kuala Lumpur	2005	Memiliki tiga (30) ekor tenggiling yg tidak matang, enam puluh (60) tenggiling jenis betina.tiga puluh tujuh (7) ekor tenggiling jenis jantan dan tiga (3) ekor tenggiling mati.	64(2)(a),65 dan 66	Denda Mahkamah RM 15000
5	Kuala Lumpur	2005	Memiliki dua (2) ekor burung but-but yang tak matang dan sembilan(9) batang duri landak	64(2)(a) dan 65	Denda Mahkamah RM 3500
6	Johor	2005	Memiliki satu (1) ekor Tenggiling	64(2)(a)	Mahkamah - RM 600 atau 2 bulan penjara
7	Kelantan	2005	Memiliki seekor harimau belang mati yang dipotong empat bahagian	Sek.64A	Denda Mahkamah,RM 7000 atau 4 bulan penjara
8	Kelantan	2005	Miliki 67 ekor tenggiling (4 tidak matang,35 jenis betina dan 25 jantan)	64(2)(a),65 dan 66	Denda Mahkamah RM12000 setiap OKT (Jumlah OKT 2 orang),Jumlah denda RM24000
9	Melaka	2005	Membeli & memiliki (323) ekor Ular Sawu	Sek.68	Mahkamah RM 2,500.00
10	Perlis	2005	Memiliki dan Menyeksa 294 ekor Tenggiling	64(2)(a)	Denda Mahkamah RM3000
11	Negeri Sembilan	2005	Memiliki Sepuluh (10) Ekor Tenggiling tanpa kebenaran. Sek: 64(2)(a).	64(2)(a)	Denda Mahkamah, RM2000
12	Negeri Sembilan	2005	Memiliki satu (1) ekor Ular sawu hidup SeK: 68	Sek.68	Denda Mahkamah, RM500
13	Perak	2005	Memiliki 1 ekor Tenggiling	64(2)(a)	Denda Mahkamah,RM600
14	Perlis	2005	Memiliki 188 ekor keping trofi kulit Ular Sawu	Sek.68	Denda Mahkamah RM2000
15	Pahang	2005	Memiliki 2 ekor tenggiling dan 7 ekor ular sawa	64(2)(a) dan 68	Denda Mahkamah, RM 1500
16	Kuala Lumpur	2005	Memiliki empat (4) ekor kucing batu dan satu (1) bengalensis	64(2)(a)	Denda Mahkamah, RM1500

17	Kuala Lumpur	2005	Memiliki 38 utas jerat,6 trofi bulu burung kuang,2 bilah kapak,4 bilah kikir, 3 bilah mata gergaji besi ,9 batu asah dan l/k 7.4 kg kayu geharu.	64(2)(a),76A	Denda Mahkamah,20 bulan penjara
18	Kedah	2005	Memiliki satu ekor burung murai gajah dan satu ekor burung sepah puteri	64(2)(a)	Denda Mahkamah RM300
19	Kelantan	2005	Memiliki 17 ekor biawak tikus hidup dan satu ekor bumbun	64(2)(a)	Denda Mahkamah,RM1000
20	Kelantan	2005	memiliki 2 utas jerrat dawai dan 2 helai bulu kuang raya	64(2)(a),76A	Denda mahkamah.penjara 2 tahun 8 bulan setiap okt (Jumlah okt 8 orang)
21	Kuala Lumpur	2005	Memiliki dua (2) ekor kucing batu	64(2)(a)	Denda Mahkamah,RM1900 atau 5 Bulan penjara

Jumlah kes yang telah disabitkan di Mahkamah pada tahun 2005 sebanyak 21 kes.

Kes Mahkamah 2006**LAM PI RAN A6**

Bil.	Tahun	Tempat kes didaftarkan	Kesalahan	Seksyen	Sabitan
1	2006	Kedah	Memiliki satu (1) ekor Anak Buaya Tembaga Tanpa kebenaran	64(2)(a)	Denda mahkamah RM1000
2	2006	Perak	Memiliki 20 kg daging beserta tulang Kijang	Sek.68	Mahkamah RM 1300
3	2006	Perak	Memiliki 1 ekor Tenggiling secara tidak sah	64(2)(a)	Denda Mahkamah, 8 bulan Penjara
4	2006	Perak	Memiliki 14 ekor Tenggiling secara tidak sah	64(2)(a)	Denda Mahkamah, RM 4000
5	2006	Perak	Memiliki 1500 kg daging Babi Hutan, tulang serta kulit secara tidak sah	Sek.68	Denda Mahkamah, RM 800 setiap OKT (Jumlah OKT 3 orang)
6	2006	Perak	Memiliki 15 ekor Tenggiling secara tidak sah	64(2)(a)	Denda Mahkamah RM 8400
7	2006	Perak	Memiliki 13 ekor tenggeling jantan, 11 tenggeling betina dan 5 tenggeling tidak matang secara tidak sah	64(2)(a), 65 dan 66	Denda Mahkamah RM6500
8	2006	Taman Negara	Memiliki 1 Ekor Pelanduk, Tiong Mas dan Jerat	Sek.68	Denda Mahkamah, RM900
9	2006	Taman Negara	Memiliki 4 Ekor Pelanduk	Sek.69	Denda Mahkamah Penjara 13 Bulan
10	2006	Taman Negara	Memiliki Ayam Hutan dan 16 Utas Racik	Sek.70	Denda Mahkamah, RM 750
11	2006	Pahang	Memiliki dengan tidak sah 2215 ekor biawak tikus	64(2)(a)	Denda Mahkamah RM1500 setiap seorang (Jumlah OKT 7 orang)
12	2006	Pahang	Memiliki 2390 ekor Biawak Tikus secara tidak sah	64(2)(a)	Denda Mahkamah RM1500
13	2006	Pahang	Memiliki satu (1) ekor tenggiling	64(2)(a)	Denda Mahkamah RM800 atau 1 bulan
14	2006	Pahang	Memiliki dua (2) ekor tenggiling	64(2)(a)	Denda mahkamah RM800 @ 2 bulan RM800 @ 2 bulan RM300 @ 1 bulan
15	2006	Pahang	Memiliki satu (1) ekor tenggiling	64(2)(a)	Denda mahkamah RM 1500 @ 1 bulan RM 2000 @ 2 bulan
16	2006	Pahang	Memiliki 3 ekor tenggiling	64(2)(0)	Denda Mahkamah RM2000 @ 3 bulan RM2500 @ 3 bulan
17	2006	Pahang	Memiliki tiga (3) ekor tiong mas dan tiga (3) ekor Serindit	Sek.68	RM 200 @14 hari RM 200 @ 14 hari RM200 @ 14 hari

18	2006	Johor	Memiliki 2488 ekor Biawak hidup tanpa kebenaran	64(2)(a)	Denda Mahkamah, RM2500
19	2006	N.Sembilan	Memiliki dua (2) ekor Tenggiling tanpa lesen	64(2)(a)	Denda Mahkamah, RM2800 atau 2 bulan penjara
20	2006	N. Sembilan	Memiliki tiga (3) ekor Burung Kunyet Besar tanpa kebenaran	64(2)(a)	Denda Mahkamah, RM1300 atau 3 bulan penjara
21	2006	N. Sembilan	Memiliki satu (1) ekor Tenggiling tanpa lesen	64(2)(a)	Denda Mahkamah, RM2000 atau 1 bulan penjara
22	2006	N.Sembilan	Memiliki sebahagian Daging Beruang lebih Kurang 12 kilo, sebahagian daging Beruk 2.5 kg. Sebahagian daging Babi Hutan 3 kg dan 17 batang kuku beruang tanpa lesen.	64(2)(a),68	Denda Mahkamah, RM2800
23	2006	K.Lumpur	Memiliki Sebahagian Daging Hidupan Liar, Lima (5) Utas Jerat Dawai Secara Tidak Sah	sek.68	Denda Mahkamah, RM1700
24	2006	K.Lumpur	Memiliki Enam (6) ekor Serindit dan Tiga (3) utas Jerat secara tidak sah	sek.68	Denda Mahkamah, RM1000 atau 2 bulan penjara (Jumlah OKT 2 orang)
25	2006	K.Lumpur	Memiliki Satu (1) Ekor Burung Murai Gajah, Dua (2) Ekor Burung Daun(Yellow Headld Green Leafbird)	64(2)(a),68	Denda Mahkamah RM800 atau 20 hari penjara (OKT 3 orang)
26	2006	K.Lumpur	Memiliki 2 Trofi burung Cenderawasih, 1Trofi Dur Landak, Sebahagian Trofi Kulit Hidupan Liar Secara Tidak Sah	sek.68	Denda Mahkamah RM1,500,Penjara 7 hari atau 14 hari jika gagal membayar denda.hukuman berjalan serentak
27	2006	K.Lumpur	Memiliki Enam (6) ekor Terofi Burung Cenderawasih secara tidak sah	sek.68	Kes Mahkamah,dipenjara 6 bulan
28	2006	K.Lumpur	Memiliki Empat(4) ekor Terofi Burung Cenderawasih secara tidak sah	sek.68	Denda Mahkamah, dipenjara 6 bulan
29	2006	K.Lumpur	Memiliki Satu Ratus Sembilan (109) Utas Jerat Dawai Secara Tidak Sah.	Sek.76A	Kes Mahkamah selesai.OKT dibebaskan tanpa perlu membela diri
30	2006	Perlis	memiliki 51 ekor burung Merbah Telinga Merah secara tidak sah	sek.68	Denda Mahkamah RM700.00
31	2006	Selangor	Memiliki Sebahagian Daging Kambing Gurun secara tidak sah	64(2)(a)	Denda Mahkamah RM 900
32	2006	Melaka	Memiliki 1 ekor buaya tembaga hidup	64(2)(a)	Denda Mahkamah, RM600

33	2006	Melaka	Memiliki 2 ekor burung ruak-ruak,1 ekortiong mas,1 ekorayam hutan ,1 ekor serindit.1 ekor murai batu,49 ekor merbah luris leher,2 ekor barau-barau,4 ekor burung sepah puteri hidup.	64(2)(a),68	Denda RM2500	Mahkamah,
34	2006	Kelantan	Memiliki satu (1) ekor tenggiling	64(2)(a)	Denda RM1000	Mahkamah
35	2006	Kelantan	Memiliki 7 ekor Biawak Tikus dan 2 ekor berok secara tidak sah.	64(2)(a),68	Denda mahkamah, Penjara 8 bulan kedua-dua OKT	
36	2006	Kelantan	Memiliki 51 ekor tenggiling jantan, 84 ekor tenggiling betina, dan 2 ekor tenggiling tidak matang	64(2)(a),65 dan 66	Denda mahkamah, RM3000	
37	2006	Kelantan	Mengambil serta memiliki 5 ekor Biawak serunai dan 1 ekor berok betina	64(2)(a)	Denda RM1700	Mahkamah,
38	2006	Kelantan	Memiliki 7 ekor ular sawa tanpa kebenaran	sek.68	Denda RM2800	Mahkamah,
39	2006	Perlis	memiliki 51 ekor burung Merbah Telinga Merah	sek.68	Denda RM700.00	Mahkamah

Jumlah kes yang telah disabitkan di Mahkamah pada tahun 2006 sebanyak 39 kes.

Kes Mahkamah tahun 2007

LAM PI RAN A7

Bil.	Tarikh Kejadian	Tempat kes didaftarkan	Kesalahan	Seksyen	Sabitan
1	2007	Kelantan	Memiliki 288 ekor tenggiling (<i>Manis Javanica</i>) Di dalam 36 bakul plastik secara tidak sah	64(2)(a)	Denda Mahkamah,Pertuduhan Pertama RM2000,Pertuduhan kedua RM3000,Jumlah ialah RM5000
2	2007	Perak	Mengambil Dua (2) ekor Babi Hutan (1 ekor betina hidup dan 1 mati) menggunakan tali jerat dawai	Sek.68	Denda Mahkamah, RM900
3	2007	Perak	Memiliki empat puluh empat (44) Tenggiling (<i>Manis Javanica</i>) hidup (19 jenis Betina , 16 jenis Jantan, 9 jenis tidak Matang) dan dua (2) ekor Ular Sawa (<i>Python Reticulatus</i>) hidup	64(2)(a),65, 66 dan 68	Denda Mahkamah RM4800 setiap OKT (Jumlah OKT 2 orang),JUMLAH RM9600
4	2007	Perlis	Memiliki 15 ekor biawak mati,9 musang pulut mati,1 ekor pulasan mati,1 ekor lotong celak mati dan sebahagian daging babi hutan	Sek.68	Denda Mahkamah, RM6000 atau 2 bulan penjara
5	2007	Taman Negara Pahang	Memiliki 16 ekor tenggiling secara tidak sah	64(2)(a)	Denda Mahkamah,RM6000 setiap OKT,Jumlah OKT 2 orang,Jumlah denda RM12000
6	2007	Kelantan	Memiliki 113 ekor tenggeling secara tidak sah	64(2)(a)	Kes Mahkamah, Denda RM1500 setiap OKT (Jumlah OKT 2 Orang),JUMLAH DENDA RM3000
7	2007	Terengganu	Mengurung tujuh belas(17) ekor burung hantu kubur (<i>Tylo alba</i>), 2150 biawak tikus (<i>Varanus bengalensis</i>), dan 334 ekor kura-kura dengan cara yang menyebabkan penderitaan.	64(2)(a)	Denda Mahkamah RM1500 @ 3 bulan penjara.
8	2007	Terengganu	Mengurung 2910 ekor biawak tikus (<i>Varanus bengalensis</i>) dengan cara yang menyebabkan penderitaan	64(2)(a)	Denda Mahkamah RM1500 @ 3 bulan penjara.
9	2007	Terengganu	Mengurung 2737 ekor biawak tikus (<i>Varanus bengalensis</i>) dengan cara yang menyebabkan penderitaan	64(2)(a)	Denda Mahkamah RM1500 @ 3 bulan penjara.
10	2007	Terengganu	Memiliki 50 utas jerat Sembat	Sek.76A	Kes Mahkamah,Hukuman 6 bulan penjara bagi OKT pertama dan kedua,Denda RM500@10 bulan penjara bagi OKT ketiga dan keempat
11	2007	Pahang	Memiliki seratus empat puluh sembilan (149) ekor Biawak Tikus tanpa kebenaran	64(2)(a)	Kes Mahkamah Pertuduhan pertama RM1000dan pertuduhan kedua RM1500
12	2007	Pahang	Memiliki Dua (2) ekor tenggiling hidup dan satu (1) ekor ular sawa	64(2)(a),68	Kes Mahkamah,belum selesai (5 orang OKT)
13	2007	Pahang	Memiliki satu (1) ekor tenggiling hidup	64(2)(a)	Kes Mahkamah.Denda RM 1500
14	2007	Terengganu	Mengambil dan memiliki empat (4) ekor Tenggiling hidup tanpa kebenaran	64(2)(a)	Kes Mahkamah.Denda RM3000

15	2007	Kelantan	Memiliki 10 ekor Tenggiling Hidup dan 5 ekor Ular Sawa.	64(2)(a),68	Denda Makamah RM 5000
16	2007	Kuala Lumpur	Memiliki 7.7kg sarang burung layang-layang secara tidak sah	Sek.97(b)	Denda Mahkamah RM1000 atau 1 bulan penjara
17	2007	Terengganu	Memiliki 2 ekor burung Pangling dan 5 ekor burung Rose Winged- parakeet tanpa kebenaran dari jabatan.	Sek.68	Denda Mahkamah,Pertuduhan pertama RM1500@ 2 bulan penjara, pertuduhan kedua RM1000 @ 1 bulan penjara
18	2007	Perlis	Memiliki 104 ekor tenggeling jantan,55 ekor tenggeling betina,9 ekor anak tenggeling dan menyeksa 168 ekor tenggeling secara tidak sah	64(2)(a),65, 66	Denda Mahkamah,Pertuduhan pertama RM3000 dan Pertuduhan kedua RM5000.Jumlah ialah RM8000
19	2007	Perlis	Memiliki secara tidak sah 95kg sisik tenggeling	64(2)(a)	Denda Mahkamah,RM3000
20	2007	Kelantan	Memiliki 53 utas jerat dan satu guni kayu gaharu	Sek.76A	Denda Mahkamah RM1400
21	2007	N.Sembilan	Memiliki dua belas (12) ekor Ular Sawa tanpa lesen. Sek:68.	Sek.68	Kes Mahkamah,Denda RM3000
22	2007	N. Sembilan	Memiliki empat (4) ekor Tenggiling dua (2) ekor Ular Sawa tanpa lesen. Sek:64(2)(a) & sek.68.	64(2)(a),68	Kes Mahkamah.Penjara 6 bulan
23	2007	Kuala Lumpur	Memiliki lebih kurang 61 kg sarang burung layang-layang tanpa kebenaran	Sek.97(b)	Kes Mahkamah,Denda RM1000 atau 2 bulan Penjara setiap OKT.Jumlah OKT 2 orang,JUMLAH DENDA RM2000
24	2007	Kelantan	Memiliki 2 ekor ular sawa tanpa kebenaran	Sek.68	Kes Mahkamah,Denda RM1000
25	2007	Kelantan	Memiliki 3 bungkus sisik tenggiling tanpa kebenaran	64(2)(a)	Kes Mahkamah,Denda RM2000 bagi OKT pertama,pertuduhan OKT kedua, ketiga,keempat dan kelima ditarik balik
26	2007	Kedah	Memiliki Sebelas (11) ekor Murai Batu,Satu(1) ekor burung Daun dan dua (2) ekor tiong Mas tanpa kebenaran	Sek.68	Kes Mahkamah,Denda RM1300
27	2007	Kuala Lumpur	Memiliki 1 ekor burung Hantu Kuning (<i>Bubo ketupu</i>) secara tidak sah	64(2)(a)	Kes Mahkamah,denda RM700 atau 1 bulan penjara
28	2007	Johor	Memiliki 1 ekor ular sawa	Sek.68	Kes Mahkamah,Denda RM400.00
29	2007	Johor	Memiliki 2 ekor belibis	64(2)(a)	Kes Mahkamah,Denda RM500.00
30	2007	Johor	Memiliki 2 kaki rusa	Sek.68	Kes Mahkamah,Denda RM700.00
31	2007	Johor	Memiliki 11kg daging rusa	Sek.68	Kes Mahkamah,Denda RM1000.00 atau 3 bulan penjara
32	2007	Johor	Memiliki 10 ekor tenggiling	64(2)(a)	Kes Mahkamah,Denda RM1000 setiap OKT.Jumlah OKT 2 orang,Jumlah Denda RM2000
33	2007	Kedah	Memiliki Dua Puluh Satu (21) Lotong Cengkong & Empat Puluh (40) Kg Daging Lotong tanpa kebenaran jabatan	Sek.68	Kes Mahkamah.Denda RM 3000 setiap OKT.Jumlah OKT 3 Orang.Jumlah Denda RM9000

34	2007	N.Sembilan	Memiliki empat (4) ekor Tenggiling tanpa lesen.	64(2)(a)	Kes Mahkamah.Denda RM 1000.00@3 bulan Penjara.
35	2007	Taman Negara Pahang	Memiliki 1 ekor tenggiling dalam kurungan yang tidak sesuai dan jenis betina secara tidak sah	64(2)(a)	Kes Mahkamah.Pertuduhan pertama denda RM2500 dan Pertuduhan kedua denda RM1500, JUMLAH DENDA RM4000
36	2007	Taman Negara Pahang	Memiliki 1 ekor tenggiling secara tidak sah	64(2)(a)	Kes Mahkamah.Denda OKT pertama RM1500 dan Okt kedua RM2500.JUMLAH DENDA RM4000

Jumlah kes yang telah disabitkan di Mahkamah pada tahun 2007 sebanyak 36 kes.

**Kes Mahkamah tahun
2008**

LAM PI RAN A8

Bil.	Tarikh Kejadian	Tempat kes didaftarkan	Kesalahan	Seksyen	Sabitan
1	2008	Kuala Lumpur	Memiliki lebih kurang 3.0 kg sarang burung layang-layang tanpa kebenaran	Sek.97(b)	Denda OKT pertama RM1000 atau penjara 3 bulan jika tidak bayar. Pertuduhan OKT kedua ditarik balik
2	2008	Kuala Lumpur	Memiliki 7 bungkus disyaki sarang burung layang-layang tanpa kebenaran	Sek.97(b)	Denda RM1000 atau 2 bulan penjara
3	2008	Kuala Lumpur	Memiliki 14 bungkus disyaki sarang burung layang-layang tanpa kebenaran	Sek.97(b)	Denda RM1000 atau 2 bulan penjara
4	2008	Pahang	Memiliki satu (1) ekor Landak Nibong tanpa kebenaran	Sek.68 dan 74(2)	Kes Mahkamah, Denda RM300 setiap OKT (Jumlah OKT 3 orang), Jumlah: RM900
5	2008	Kelantan	Memiliki Dua (2) ekor Biawak Tikus tanpa kebenaran	Sek.64(2)(a)	Kes Mahkamah, Denda RM1500 setiap OKT, Jumlah OKT 2 orang. JUMLAH DENDA RM3000
6	2008	Selangor	Memiliki 2 ekor Carpet Python dan 4 ekor Ball python tanpa kebenaran	Sek.68	Kes Mahkamah, Denda Pertuduhan pertama RM700, Pertuduhan kedua RM700. JUMLAH DENDA RM1400
7	2008	Selangor	Memiliki 3 ekor Burmese Python dan 2 biawak hidup tanpa kebenaran	Sek.68	Kes Mahkamah, Denda pertuduhan pertama RM1500, pertuduhan kedua RM2000, JUMLAH DENDA RM3500
8	2008	Selangor	Memiliki 5 ekor Ball Python dan 1 ekor Burmese Python tanpa kebenaran	Sek.68	Kes Mahkamah, Denda pertuduhan pertama RM2000, pertuduhan kedua RM1500, JUMLAH DENDA RM3500
9	2008	Terengganu	Lewatserah KPM 14A No. 185350 dan memiliki tiga (3) ekor Babi Hutan yang telah mati tanpa lesen	97(e) dan 68	Kes Mahkamah, bagi OKT pertama, Denda Pertuduhan pertama RM450 dan Pertuduhan kedua denda RM800. OKT kedua Denda RM800 dan OKT Ketiga Denda RM800. JUMLAH DENDA RM2850

10	2008	Kedah	Memiliki Tiga Puluh Sembilan (39) Utas Jerat Nylon,Tiga Puluh Empat (34) Helai Bulu Burung Kuang Raya & Satu (1) bekas kecil Bulu Landak tanpa kebenaran	Sek.64(2)(a) dan 68	Kes Mahkamah.Pertuduhan pertama dikenakan penjara 5 bulan dan pertuduhan kedua dikenakan penjara 3 bulan.hukuman berjalan serentak dari tarikh tangkapan
11	2008	Selangor	Memiliki 6 guni sisik tenggiling, 100 keping kulit ular sawa,37 keping kulit ular sawa darah dan 100 keping kulit biawak	Sek.64(2)(a) dan 68	Kes Mahkamah.Denda 32 bulan penjara
12	2008	Terengganu	Memiliki 52 mata racik	76(2)	Kes Mahkamah.Denda RM1000 atau 1 bulan penjara setiap OKT.JUMLAH OKT 3 orang.JUMLAH DENDA RM3000
13	2008	Kedah	Memiliki Tiga Puluh Satu (31) Ekor Tenggiling	Sek.64(2)(a)	Kes Mahkamah.Denda RM4000
14	2008	Kedah	Memiliki Enam Ekor Lotong Chengkong Mati.	Sek. 68&69	Kes Mahkamah.Denda RM3500
15	2008	Kelantan	Memiliki 52 ekor Tenggiling tanpa kebenaran	Sek.64(2)(a)	Kes Mahkamah.Denda RM5000 Setiap OKT,Jumlah OKT 2 orang.JUMLAH DENDA RM10000
16	2008	Kelantan	Memiliki lima belas (15) ekor musang pulut (Common Palm Civet) tanpa kebenaran,Sek.68	Sek.68	Kes Mahkamah.Denda RM 1000 atau 3 bulan penjara setiap OKT,Jumlah OKT 3 orang.JUMLAH DENDA RM3000
17	2008	P.Pinang	Memiliki Sembilan Puluh Lapan (98) ekor Tenggiling (Manis javanica) tanpa kebenaran	Sek.64(2)(a)	Kes Mahkamah.Denda RM3000 atau 2 tahun penjara
18	2008	Perak	memiliki 120 burung merbah telinga merah secara tidak sah.	Sek.68	Kes Mahkamah.Denda RM2000
19	2008	Johor	Memiliki 15 ekor tenggiling secara tidak sah.	Sek.64(2)(a) dan Sek.66	Kes Mahkamah.Pertuduhan pertama RM1500 atau 4 bulan penjara,pertuduhan kedua RM3000 atau 6 bulan penjara bagi OKT pertama,kedua dan ketiga.manakala OKT keempat hingga kelapan diikat jamin mahkamah sebanyak RM1000 seorang.
20	2008	Johor	Memiliki 42 ekor tenggiling secara tidak sah	Sek.64(2)(a) dan Sek.66	Kes Mahkamah.Pertuduhan pertama RM1800 atau 2 bulan penjara,pertuduhan kedua RM2800 atau 4 bulan penjara bagi setiap OKT,Jumlah OKT 2 orang.JUMLAH DENDA RM9200

21	2008	Pahang	Memiliki 22 ekor Burung Serindit hidup tanpa kebenaran Jabatan PERHILITAN.	Sek.68	denda Mahkamah, RM800
22	2008	Pahang	Memiliki tiga (3) ekor Burung Serindit dan dua (2) ekor Burung Ruak-Ruak hidup tanpa kebenaran Jabatan PERHILITAN	Sek.68	Kes Mahkamah, Pertuduhan pertama Denda RM400,pertuduhan kedua RM400,Jumlah denda RM800
23	2008	Perlis	Memiliki 9 ekor burung Blue Hanging Parrot, 1 ekor burung ruak-ruak,1 ekor burung merbah tanduk,3 ekor burung mata putih,2 ekor burung merbah telinga merah,1 ekor burung matahari,2 ekor burung daun,1 ekor burung merbah lurus leher,1 ekor burung punai daun,1 ekor burung murai batu.		Denda Mahkamah,RM1700
24	2008	Selangor	Memiliki 79 ekor burung kelicap kunyit hidup dan 15 ekor burung murai batu hidup.Sek.68 (x:412466,y:334911)	Sek.68	Kes Mahkamah,Denda RM2400
25	2008	Selangor	Memiliki 7 ekor ball python,4 ekor burmese python, 1 ekor green tree python, 1 ekor carpet python dan 2 ekor blood python.Sek.68	Sek.68	Kes Mahkamah,Denda RM9300
26	2008	Kuala Lumpur	Memiliki 1 ekor Tenggiling,2 keping sisik tenggiling,2 batang duri Landak, 1 trofi kepala rusa,2 batang siong babi hutan dan 39 helai bulu burung hantu.Sek 68 dan 64(2)(a)	Sek.64(2)(a) dan Sek.68	Kes Mahkamah,Denda RM4000 bagi kedua- dua OKT
27	2008	Johor	Memiliki 65 ekor tenggiling secara tidak sah	Sek.64(2)(a) dan Sek.65 dan Sek.66	Kes Mahkamah,Denda Pertuduhan Pertama RM2000 atau 2 bulan penjara,Pertuduhan Kedua RM4000 atau 4 bulan Penjara dan Pertuduhan Ketiga RM4000 atau 6 bulan penjara setiap OKT.Jumlah OKT 3 orangJUMLAH DENDA RM30.000
28	2008	Kuala Lumpur	Memiliki 1 sisik tenggiling,1 keping kulit ular sawa Blood Python, 1 kulit ular sawa,3 ekor musang pulut dan 1 ekor babi hutan secara tidak sah.	Sek.64(2)(a) dan Sek.68	Kes Mahkamah,Pertuduhan pertama Denda RM1000 dan 2 minggu penjara, Pertuduhan kedua denda RM1000 atau 1 bulan penjara.Pertuduhan ketiga denda RM1000 atau 1 bulan penjara.pertuduhan keempat denda RM1000 atau 1 bulan penjara dan pertuduhan kelima denda RM1000 atau 1 bulan penjara.JUMLAH DENDA RM5000

29	2008	Terengganu	Memiliki satu (1) ekor Burung Dendang gajah hidup dan satu (1) ekor Burung Daun Kepak Biru tanpa kebenaran	64 (2) (a)	Kes Mahkamah, Pertuduhan pertama denda RM100.00 @ satu bulan penjara, dan Pertuduhan kedua denda RM100.00 @ satu bulan penjara
30	2008	Terengganu	Bersama cuba mekakukan pemburuan hidupan liar dalam masa dilarang dengan menggunakan kaedah jacking	97 (e) butiran (v)	Kes Mahkamah,Kes DNA.JUMLAH OKT 4 Orang
31	2008	Pahang	Memiliki dua (2) ekor burung Murai Batu hidup tanpa Lesen	Sek.68	Kes Mahkamah,Denda RM400
32	2008	Pahang	Memiliki tujuh (7) kilogram daging Babi Hutan yang telah dilapah tanpa kebenaran yang sah.	Sek.68	Kes Mahkamah,Denda RM700
33	2008	Pahang	memiliki 64 ekor musang pulut secara tidak sah.	Sek.68	Kes Mahkamah,Denda RM3000
34	2008	Pahang	Memiliki dua (2) ekor burung Murai Batu hidup tanpa surat kebenaran yang sah.	Se.76(2),68 dan 77(2)	Mahkamah Rompin,Pertuduhan pertama denda RM500,Pertuduhan kedua denda RM300 dan Pertuduhan ketiga denda RM200JUMLAH DENDA RM1000
35	2008	Johor	Memiliki 44 ekor tenggiling secara tidak sah	Se.64(2)(a),65 dan 66	Kes Mahkamah,Denda Pertuduhan Pertama RM2000 atau 2 bulan penjara dan Pertuduhan kedua RM60Q0 atau 6 bulan penjara setiap OKTJumlah OKT 2 orangJUMLAH DENDA RM16000
36	2008	Johor	Memiliki 454 biawak tikus secara tidak sah.Sek.64(2)(a)	Se.64(2)(a)	Kes Mahkamah,Denda RM2000 Setiap OKT,Jumlah OKT 2 orangJUMLAH DENDA RM4000
37	2008	kedah	Memiliki lapan Trofi Kuku beruang, Tiga Puluh Dua Hempedu Ular, Lima batang taring Babi Hutan.	Se.64(2)(a) dan 68	Kes Mahkamah,Denda RM2000 atau 2 bulan penjara setiap OKT Jumlah OKT 2 orangJUMLAH DENDA RM4000

Jumlah kes yang telah disabitkan di Mahkamah pada tahun 2008 sebanyak 37 kes.

Kes Mahkamah Tahun 2009

LAMPIRAN A9

Bil.	Tarikh Kejadian	Tempat kes didaftarkan	Kesalahan	Seksyen	Sabitan
1	2009	Kedah	Memiliki 2 ekor Iguana, 2 Ekor Ular Sawa Dan 4 Ekor Burung Parrot tanpa kebenaran Sek.68.	Sek.68	Kes Mahkamah.Denda RM1200
2	2009	Selangor	Memiliki (5) lima Burmee python yang masih hidup tanpa kebenaran Sek 68 Akta 76/72	Sek.68	KES MAHKAMAH DENDA RM 1500.00
3	2009	Kelantan	Menceroboh Taman Negara	Sek.81	Kes Mahkamah, Penjara 4 bulan bagi kedua-dua OKT.Jumlah OKT 2 orang
4	2009	Selangor	Memiliki secara tidak sah dua (2) ekor burung Rose-Ringed Parakeet,dua (2) ekor Musang Pulut (mati) dua (2) ekor burung Jampuk (mati) Sepuluh (10) ekor Ayam Hutan (mati) dan tiga puluh lima (35) ekor burung Ruak-ruak mengikut seksyen 68 Akta 76/72	Sek.68 dan 64(2)(a)	Kes Mahkamah.Denda RM 5000
5	2009	Perlis	Memiliki sebelas (11) ekor Biawak Tikus tanpa kebenaran sah Sek 64(2)a	Sek.64(2)(a)	Kes Mahkamah.Denda RM 3000
6	2009	Perlis	Memiliki secara tidak sah Satu (1) ekor merbah Luris Leher,satu (1) ekor burung daun,satu (1) ekor burung matahari,satu (1) ekor kucing batu dan sepuluh (10) ekor burung murai batu.Sek 64(2)(a) & Sek 68	Sek.68 dan 64(2)(b)	Kes Mahkamah,P1 denda RM400@ 4 hari penjara,P2 denda RM300@ 3 hari penjara,P3 denda RM300@ 3 hari penjara,P4 denda RM300@ 3 hari penjara dan P5 denda RM500@5 hari penjara.JUMLAH DENDA RM1800
7	2009	Ibu Pejabat	Memiliki 1 taring harimau,1 trofi paruh burung enggang.bahagian kambing gurun,3 trofi gigi gajah,3 duri landak raya,1 trofi kaki kijang,1 kulit musang pulut dan 2 trofi burung cenderawasih secara tidak sah.	Sek.68 dan 64(2)(b)	Kes Mahkamah,8 Pertuduhan dibuat (Mengikut spesis) dan setiap pertuduhan denda RM2000.JUMLAH DENDA RM16000 atau 2 bulan penjara jika gagal bayar
8	2009	Pahang	Memiliki 22 tangan Beruang,25 kaki Beruang,319 ekor burung hantu dan 2330 biawak tikus secara tidak sah.	Sek.64(2)(a)	Kes Mahkamah, 6 pertuduhan dibuat, setiap pertuduhan denda RM3000 dan 1 bulan penjara berjalan serentak.JUMLAH DENDA RM18000
9	2009	Pahang	Memiliki 1202 ekor Biawak Tikus hidup tanpa kebenaran	Sek.92 (1) dan 64(2)(a)	Kes Mahkamah.Denda RM3000 setiap OKT.Jumlah OKT 3 orang.JUMLAH DENDA RM9000
10	2009	Pahang	Memiliki 2 ekor tenggeling dan kezaliman terhadap hidupan liar	Sek.92 (1),64(2)(a) dan 66	Kes Mahkamah.Denda RM1800
11	2009	Ibu Pejabat	Memiliki sepuluh (10) ekor murai batu hidup secara tidak sah	Sek.68	Kes Mahkamah.Denda RM2000 atau 7 bulan penjara
12	2009	N.Sembilan	Memiliki 1 ekor babi hutan dan memburu pada waktu yang dilarang	Sek.68 dan 74(1)	Kes Mahkamah.Denda RM3500 setiap OKT.Jumlah OKT 2 orang.JUMLAH DENDA RM7000
13	2009	Ibu Pejabat	Memiliki 20.8 kg sarang burung layang-layang tanpa kebenaran	Sek.97(b)	Kes Mahkamah.Denda RM1000 atau 5 bulan penjara setiap OKT.Jumlah OKT 2 orang.JUMLAH DENDA

					RM2000
14	2009	Selangor	Memiliki secara tidak sah (03) tiga trofi burung cenderawasih mengikut seksyen 68 Akta Hidupan Liar 76/72.	Sek.68	Kes Mahkamah.Denda RM2500 atau 1 bulan penjara
15	2009	Perlis	Memiliki Empat Puluh Sembilan (49) ekor burung Burung Ruak-Ruak tanpa kebenaran mengikut sek 68	Sek.68	Kes Mahkamah.Denda RM400
16	2009	Johor	Memiliki 40 ekor Tenggiling tanpa kebenaran	Sek.64(2)(a)	Kes Mahkamah.Denda RM7000
17	2009	P.Pinang	Memiliki sepasang tangan tangan kera yang telah diawet	Sek.68	Kes mahkamah.Denda RM3000
18	2009	P.Pinang	Membawa masuk 13 kg sarang burung Layang-layang(Aerodamus fuciphagus) tanpa kebenaran jabatan	Sek.97 (b)	Kes Mahkamah.Denda RM1000 dan penjara 3 hari
19	2009	Perlis	Memiliki 88kg daging babi hutan secara tidak sah	Sek.68	Kes mahkamah.Denda RM2500

Jumlah kes yang telah disabitkan di Mahkamah pada tahun 2009 sebanyak 19 kes.

NO. AUM :jerg'1

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**
PERTANYAAN

**DARIPADA TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA
LANGAT]**

TARIKH 25 MAC LISA N 2010

RUJUKAN 2554

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan kemasukan pekerja-pekerja asing dan tanpa izin
setakat 31 Disember 2009 dan apakah langkah- langkah yang diambil untuk mengawal
selia terhadap syarikat yang mengambil pekerja tanpa izin.**

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 25.03.2010

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Kuala Langat di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), sehingga 31 Disember 2009, terdapat seramai 1,918,146 pekerja yang sah. Dukacita dimaklumkan bahawa JIM tidak dapat memberi jumlah Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) kerana kemasukan mereka ke negara ini adalah secara haram atau tinggal melebihi tempoh setelah pas kemasukan mereka tamat. Walau bagaimanapun, adalah dianqarkan bahawa bagi setiap seorang pekerja sah, terdapat seorang Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI).

Berhubung dengan isu PATI, kerajaan memandang serius perkara ini dan berazam untuk mengurangkan jumlah PATI di negara ini. Bagi tujuan tersebut, langkah-langkah berikut telah diambil

1. Meningkatkan operasi penguatkuasaan oleh agensi-agensi yang berkaitan

Mengikut rekod Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Disember 2009, sebanyak 7,099 operasi penguatkuasaan telah dilancarkan. Hasil operasi penguatkuasaan ini, seramai 901 warganegara (majikan) telah ditangkap atas kesalahan melanggar Seksyen 55(B) Akta Imigresen 1959/63, "menggaji orang yang tidak memiliki Pas yang sah"

2. Mendakwa majikan yang menggajikan PATI.

Mengikut statistik dari Unit Pendakwaan, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sepanjang tahun 2009, seramai 4 orang majikan telah didakwa dan disabitkan kesalahan. Empat orang majikan iaitu dua majikan di Negeri

Sembilan dan dua majikan di Sarawak telah disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 55(B) Akta Imigresen 1959/63 oleh Mahkamah dan telah dijatuhkan hukuman denda.

Mengikut makluman Unit Pendakwaan JIM juga, terdapat beberapa kes membabitkan majikan yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 55(B) yang masih dalam perbicaraan di negeri-negeri lain.

3. Menyenaraihitamkan majikan

Setelah disabitkan kesalahan, majikan-majikan akan disenaraihitamkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Mereka tidak akan dibenarkan menggajikan pekerja asing lagi.

NO. SOALAN : 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN SIM TONG HIM

TARIKH

25 MAC 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) sejak Januari 2009, bilangan permit baru teksi diberikan kepada rakyat Melaka mengikut kaum; dan
- (b) dalam kajian kementerian, berapa anggaran kekurangan perkhidmatan teksi mengikut daerah Melaka.

JAWAPAN

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2009, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), telah meluluskan sebanyak 381 lesen kelas teksi dan kereta sewa. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9 lesen diluluskan untuk perkhidmatan teksi manakala sebanyak 372 lesen untuk perkhidmatan kereta sewa. Dari segi pecahan kelulusan lesen teksi mengikut bangsa, sebanyak 7 lesen diluluskan kepada pemohon berbangsa Melayu manakala 2 lesen kepada pemohon berbangsa Cina. Bagi lesen kereta sewa, daripada 372 lesen yang diluluskan, sebanyak 241 lesen dikeluarkan kepada pemohon berbangsa Melayu, 71 lesen kepada pemohon berbangsa Cina, 57 pemohon berbangsa India dan 3 lesen kepada lain-lain bangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran lesen teksi di negeri Melaka hanya dikeluarkan di daerah Melaka Tengah yang merupakan daerah di bawah Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Daerah-daerah lain pula menggunakan perkhidmatan kereta sewa.

Kajian kekurangan perkhidmatan teksi yang disebutkan masih di dalam peringkat kajian dari pelbagai pihak.

Sekian. Terima kasih.

KEDUDUKAN LESEN TEKSI TERKUMPUL MENGIKUT BANGSA

BAGI NEGERI MELAKA DAR11 JANUARI - 31 DISEMBER 2009

KELAS LESEN	DAERAH	BUMIPUTERA		INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
Teksi	Melaka Tengah	7	2	0	0	9
		IHiill	DI	Ma	ll	Mil
	Melaka Tengah	182	63	44	1	290
Kereta Sewa	Alor Gajah	40	5	4	0	49
	Jasin	19	3	9	2	33
			i8i*BSiSS8*IS8*M			
JUMLAH KESELURUHAN (TEKSI & KERETA SEWA)		248	73	57	3	381

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN**JAWAB LISAN****DARIPADA :****YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L****R. SANTIAGO (DAP) (KLANG)****TARIKH****25 MAC 2010 (KHAMIS)****SOALAN**

YB Tuan Charles a/l R. Santiago (DAP) (Klang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan tindakan Kementerian untuk mengatasi penderaan seksual terhadap wanita Penan di Sarawak. Dan berapakah jumlah peruntukan diberikan untuk melaksanakan cadangan-cadangan dalam laporan “task force” yang telah dikemukakan pada September 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menyalurkan sejumlah peruntukan pada tahun 2009 kepada Sarawak Women for Women Society (SWWS) melalui kerjasama yang diwujudkan dengan Kementerian bagi melaksanakan tiga program untuk wanita Penan iaitu Program Gangguan Seksual, Pembangunan Minda dan “Wanita Bijaksana Keluarga Sejahtera”. Program-program tersebut dilaksanakan di Long Lama, Long San dan Batu Niah, Miri, Sarawak.

Selain itu, Kementerian melaksanakan “familiarisation trip” pada 21 Jun hingga 3 Julai 2009 di ketiga-tiga kawasan (Long Lama, Long San dan Batu Niah, Miri, Sarawak).

Program ini yang dikenali sebagai Fasa 1 bertujuan mengenal pasti sukarelawan yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan masyarakat Penan yang akan menyertai Fasa

II program iaitu “*training of trainers*” (TOT). Seramai 1,300 orang peserta telah terlibat dalam Fasa I ini.

Program *TOT* bagi Long Lama pula telah diadakan pada 12 hingga 14 Oktober 2009 telah memberi faedah kepada 382 sukarelawan dan mereka akan memainkan peranan memberi kesedaran kepada kaum Penan termasuk wanita dan pelajar-pelajar sekolah mengenai gangguan seksual, pembangunan minda dan sebagainya. Program bagi kawasan Long San pula akan diadakan pada akhir bulan Mac 2010.

Peruntukan yang telah disalurkan bagi pelaksanaan Fasa I adalah sebanyak Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Enam Ribu Sembilan ratus Tujuh Puluh (RM36,970.00) manakala bagi Fasa II long Lama pula sebanyak Ringgit Malaysia: Enam Puluh Lima Ribu Tiga Ratus Lima Puluh (RM65,350.00) dan Fasa II Long San dianggarkan sebanyak Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu (RM 100,000.00).

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR.TAN SENG GIAW
[KEPONG]

TARIKH : 25 MAC 2010

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan keadaan hidupan liar di negara ini dan bilangan spesies yang hampir atau sudah pupus termasuk harimau dan harimau kumbang. Apakah keberkesanan penguatkuasaan dan cara-cara yang lebih efektif untuk memelihara hidupan liar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan hidupan liar di negara ini masih

SOALAN NO.: 63

terkawal. Aktiviti penguatkuasaan dan pemuliharaan hidupan liar sedang dan akan terus dipertingkatkan. Spesies-spesies hidupan liar di Semenanjung Malaysia adalah diperlindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76].

Hidupan liar ini diberi status perlindungan mengikut dua (2) kategori iaitu:

- i. Hidupan Liar Yang Diperlindungi; dan
- ii. Hidupan Liar Yang Diperlindungi Sepenuhnya. Harimau dan harimau kumbang adalah spesies mamalia yang diperlindungi sepenuhnya.

Mengikut *World Conservation Union (Red List)* 2008, terdapat beberapa spesies hidupan liar di Semenanjung Malaysia yang mengalami ancaman kepupusan. Spesies-spesies tersebut adalah;

- i. 46 spesies mamalia, ini termasuk harimau dan harimau kumbang;
- ii. 26 spesies avifauna;
- iii. 18 spesies reptilian; dan
- iv. 6 spesies amfibia

Selain itu, terdapat 3 spesies hidupan liar yang telah pupus di Semenanjung Malaysia iaitu, Badak Jawa, Banteng dan Merak Hijau.

Antara usaha-usaha penguatkuasaan yang dijalankan ialah:

- i. Mewujudkan *flying squad* yang dikenali sebagai Unit Jenayah Hidupan Liar atau *Wildlife Crime Unit (WCU)* di peringkat jabatan.
- ii. Mewujudkan 14 pos kawalan di pintu keluar/masuk negara dengan penempatan tetap pegawai penguatkuasa Jabatan PERHILITAN.
- iii. Menambah lebih banyak kursus dan latihan bagi mempertingkatkan pengetahuan kakitangan penguatkuasaan.
- iv. Mewujudkan makmal pengecaman.
- v. Melaksanakan Aktiviti Kesedaran Awam di kalangan masyarakat setempat.
- vi. Memperkuuhkan jaringan kerjasama antara agensi penguatkuasaan lain seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia, Unit Pencegahan Penyeludupan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.
- vii. Mempertingkatkan kerjasama di antara negara ASEAN melalui ASEAN *Wildlife Enforcement Network (ASEAN-WEN)*. Di bawah ASEAN-WEN, kerjasama yang baik di antara agensi penguatkuasa hidupan liar ASEAN diwujudkan bagi mempertingkatkan aktiviti pertukaran maklumat risikan, mesyuarat dua hala dan *capacity building* dalam penyiasatan, penangkapan dan pendakwaan. dan
- viii. Mewujudkan kerjasama duahala dengan negara jiran iaitu Thailand di dalam pencegahan penyeludupan hidupan liar di sempadan negara.

Di samping tindakan-tindakan di atas, peranan orang ramai untuk menjadi mata dan telinga kerajaan untuk melaporkan kegiatan-kegiatan eksloitasi haram hidupan liar adalah juga begitu penting. Sehubungan itu, saluran untuk orang ramai untuk membuat aduan telah disediakan 24 jam sehari.

Sekian, terima kasih.

NO.AUM

NO.AUP : £3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH 25 MAC2010

RUJUKAN 2398

SOALAN:

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah anggaran Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) dan Pekerja Asing Dengan Izin mengikut negara asal masing-masing di seluruh negara masa kini dan apakah keazaman politik, dasar dan usaha Kerajaan yang berkesan dan tersusun untuk membanteras kedatangan mereka supaya negara dapat mengurangkan pergantungan daripada pekerja asing memandangkan kemunculan mereka dalam masyarakat tempatan semakin membimbangkan berikutan tindakan penguatkuasaan yang sangat lemah.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 25.3.2010

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Cheras di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai satu data yang tepat berkenaan bilangan Pendatang Asing Tanpa izin di Malaysia. Ini kerana kemasukan mereka adalah secara tidak sah dan tidak direkodkan oleh mana-mana agensi. Walau bagaimanapun, Kerajaan menganggarkan pada masa ini terdapat seramai 1.9 juta orang PATI iaitu berdasarkan anggaran satu orang pekerja asing yang sah terdapat satu orang PATI.

Untuk kategori pekerja asing yang sah, jumlah yang ada dalam rekod Kerajaan adalah seramai **1,918,146 orang pekerja asing** pada 31 Disember 2009. Pecahan mengikut 5 buah negara sumber dengan jumlah pekerja yang paling ramai adalah seperti berikut:-

- | | |
|---------------|---------|
| 1. Indonesia | 991,940 |
| 2. Bangladesh | 319,020 |
| 3. Nepal | 182,668 |
| 4. Myanmar | 139,731 |
| 5. India | 122,382 |

Kementerian Dalam Negeri adalah komited untuk mengatasi masalah kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) selain daripada memastikan tidak berlaku kebanjiran pekerja asing di Malaysia. Berkennaan PATI, penguatkuasaan secara bersepadu telah

dilaksanakan dari masa ke semasa melibatkan seluruh agensi penguatkuasa seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja dan RELA untuk membasmi kemasukan mereka dan juga ejen- ejen yang bertanggungjawab membawa mereka masuk ke Malaysia.

Dalam konteks penggajian pekerja asing yang sah, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak membenarkan kemasukan pekerja asing bagi jawatan-jawatan barisan hadapan (*frontliners*) yang dikhkususkan untuk warga tempatan seperti juruwang, promoter dan sebagainya. Kemasukan pekerja asing juga hanyalah berdasarkan keperluan sebenar sektor pekerjaan yang tidak dapat ditampung oleh tenaga kerja rakyat tempatan bagi menjalankan kerja-kerja 3D (Dirty, Dangerous, Difficult).

Soalan No: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)
TARIKH	PERTA NYAAN
	MULUT
	25.03.2010
SOALAN NO	64

Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapa kali cabutan khas yang telah diluluskan untuk setiap syarikat perjudian untuk tahun 2010 dan nyatakan sama ada keputusan telah dibuat untuk mengurangkan jumlah hari cabutan dalam seminggu. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan sebanyak **dua puluh (20) hari** cabutan khas untuk dijalankan secara serentak oleh semua operator nombor ramalan (NFO) di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Jumlah ini menunjukkan pengurangan sebanyak **tujuh (7) hari** berbanding cabutan khas pada tahun 2009 yang berjumlah dua puluh tujuh (27) hari.

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengurangkan jumlah hari cabutan mingguan yang dijalankan pada hari Rabu, Sabtu dan Ahad memandangkan aktiviti perjudian merupakan salah satu daripada ciri budaya bagi sebilangan kaum yang menjadi sebahagian daripada masyarakat majmuk di Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memastikan pengawalseliaan dan pemantauan yang ketat terhadap industri perjudian dijalankan secara adil dan saksama.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN

TARIKH: 25 MAR 2010

SOALAN:

Y.B. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah kadar kejayaan (success rate) Pusat Jobs Malaysia di Kuching. Apakah statistik pencari-pencari kerja yang berdaftar di pusat itu, mereka yang berjaya mencari kerja melalui pusat tersebut dan kategori kerja mereka itu. Bagaimana statusnya tentang pusat-pusat lain di bahagian lain di Negeri Sarawak.

PR-1231-L36767

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia telah menubuhkan Pusat *JobsMalaysia* di Lot. 11884, (Sublot 17) Seksyen 64, Kuching Town Land District, Jalan Tun Jugah, Kuching dan telah mula beroperasi pada 25 Januari 2010. Seramai 4 orang Pegawai Tenaga Kerja ditugaskan di pusat tersebut. Antara fungsi Portal *JobsMalaysia* ini adalah seperti berikut;

- (i) Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan berkaitan pekerjaan kepada warganegara Malaysia dalam mencari pekerjaan;
- (ii) Membantu majikan yang ingin mencari pekerja-pekerja;
- (iii) Mempromosikan peluang pekerjaan kepada warganegara Malaysia;
- (iv) Meningkatkan kaunseling dan bimbingan kerjaya kepada pencari kerja di sekolah- sekolah, pusat latihan kemahiran dan institusi pengajian tinggi;
- (v) Membantu menempatkan pekerja yang diberhentikan; dan
- (vi) Meningkatkan hubungan industri dengan majikan bagi tujuan mengujudkan lebih banyak peluang pekerjaan

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak mula beroperasi pada 25.01.2010 sehingga 09.03.2010, Pusat *JobsMalaysia* ini telah dikunjungi oleh seramai 132 orang pencari kerja dan daripada jumlah itu seramai 95 orang telah mendaftar untuk mendapatkan pekerjaan. Dalam tempoh yang sama sebanyak 565 kekosongan jawatan telah dilaporkan oleh pihak majikan kepada pusat ini.

Dalam tempoh yang dinyatakan seramai 18 orang pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan . Daripada jumlah tersebut 17 pencari kerja berjaya memperolehi pekerjaan dalam kategori profesional dan 1 pencari kerja lagi mendapat pekerjaan dalam kategori perkeranian. Memandangkan pusat ini baru beroperasi selama satu setengah bulan dan masih kurang pencari kerja dan majikan yang mengetahui kewujudan pusat ini pencapaian yang ditunjukkan adalah memuaskan.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain Pusat JobsMalaysia di Kuching, terdapat 15 JobsMalaysia Point (JMP) yang ditempatkan di Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Sarawak. Pusat JobsMalaysia Point ini terdapat di Kuching, Kota Samarahan, Serian, Sri Aman, Saratok, Sarikei, Sibu, Mukah, Bintulu, Bakun, Limbang, Lawas, Miri, Marudi dan Miri.. Pusat-pusat tersebut pada tahun 2009 telah berjaya mendaftar 20,274 pencari pekerjaan dan berjaya membuat penempatan seramai 4,229 orang.

NO. AUM : 75

NO. AUP : 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**

**PERTANYAAN LISAN
 25 MAC 2010**

DARIPADA 2400

TARIKH

RUJUKAN SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan warga asing yang hiiang selepas memasuki Malaysia dari segi jumlah orang/negara adakah langkah menarik balik 'visa on arrival' akan dilaksanakan ke atas warga asing dari negara- negara lain.

JAWAPAN
Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Bukit Bintang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak mempunyai perangkaan jumlah warga asing yang hilang selepas memasuki Malaysia. Dari sudut Akta Imigresen 1959/63, berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia hakikatnya warga asing ini tidak menunjukkan sebarang rekod keluar dari negara ini. Terdapat dua kemungkinan samada warga asing tersebut masih tinggal dalam negara secara tidak sah atau menyelinap keluar secara haram melalui sempadan negara. Jika mereka menyelinap keluar secara haram rekod keberadaan mereka dalam negara masih kekal.

Kes warga asing yang hilang sering dikaitkan dengan kemasukan melalui kemudahan *Visa On Arrival* (VOA). Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah warga asing yang masuk melalui VOA tetapi tinggal lebih masa (*overstayed*) adalah seramai 75,696 sehingga Disember 2009. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik kemudahan VOA bagi negara-negara lain. Sejak VOA diperkenalkan pada September 2006 sehingga kini, Kerajaan dari masa ke masa membuat penambahbaikan dari aspek memperketatkan kemudahan ini kepada negara-negara berisiko tinggi, yang sering didapati menyalahgunakan kemudahan tersebut.

Ahli Yang Berhormat, peka dengan situasi ini, pada 1 Ogos 2008, Kerajaan telah mengurangkan jumlah warganegara yang layak menikmati kemudahan VOA dari 12 kepada 8 negara. Di samping itu, syarat-syarat kemudahan VOA turut diperketatkan bagi memastikan hanya pelawat tulen sahaja diberikan kemudahan tersebut.

SOALAN NO:

6?

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	EISAN
DARIPADA	YB. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
TARIKH	25 MAC 2010
SOALAN:	2556
RUJUKAN:	

YB. Dato' Nasir bin Ibrahim Fikri minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang dilakukan bagi memastikan kes seperti akhbar Herald Tribune tidak lagi berulang sehingga mencetuskan isu dan polemik yang serius.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB. yang mengemukakan soalan.

2. Saya memperbetulkan bahawa akhbar yang dimaksudkan dalam soalan ini ialah Herald-The Catholic Weekly, bukannya Herald Tribune.

< 3. Perkara ' ini adalah berkaitan dengan permohonan semakan kehakiman (judicial review) oleh pihak Herald-The Catholic Weekly yang tidak berpuas hati terhadap keputusan kerajaan meletakkan syarat dalam permit penerbitannya melarang penggunaan perkataan Allah bagi terjemahan kepada God.

4. Dalam hal ini sekiranya seseorang atau sesuatu badan tidak berpuas hati dengan keputusan kerajaan, kerajaan tidak akan menghalang mereka membawa kes ke mahkamah.

